

MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS
2023

HARI ISNIN : 4 DISEMBER 2023

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK RAZALI BIN IDRIS
TARIKH : 4 DISEMBER 2023

DATUK RAZALI BIN IDRIS minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan jumlah lulusan diploma graduan Institut Kemahiran Tinggi Belia Negara (IKTBN) yang melanjutkan pendidikan di peringkat sarjana muda di universiti awam sejak tahun 2018 sehingga sekarang.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Terlebih dahulu saya ingin nyatakan sedikit mengenai fungsi dan peranan Institusi Latihan Kemahiran Belia dan Sukan (ILKBS). **ILKBS di seluruh Malaysia melaksanakan pelbagai program latihan kemahiran dalam peranan membantu memastikan golongan belia berada dan sejajar dengan dasar kerajaan yang ingin melahirkan lebih ramai golongan mahir dan separa mahir pada masa hadapan, termasuklah belia NEET (*not in employment, education and training*), belia berisiko, belia berkeperluan khas dan sebagainya. Sebanyak 22 buah ILKBS seluruh Malaysia yang menawarkan 14 bidang utama di bawah pendidikan TVET KBS iaitu Teknologi Pertanian, Teknologi Automotif, Teknologi Marin, Teknologi Mekanikal, Teknologi Awam, Teknologi Elektronik, Teknologi Elektrikal, Teknologi Tekstil, Teknologi Hospitaliti, Teknologi Personel, Teknologi Fotografi, Teknologi Maklumat, Teknologi Sukan dan Minyak dan Gas. **Penawaran adalah pada tahap Sijil Kemahiran Malaysia, Diploma Kemahiran Malaysia dan Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia.****

Merujuk kepada soalan Yang Berhormat, jumlah **graduan lulusan Diploma di semua ILKBS dari tahun 2018 hingga Jun 2023 adalah seramai 5,376 orang** dan dari jumlah tersebut seramai **29 orang graduan telah dan sedang melanjutkan pelajaran ke peringkat ijazah pertama.**

Jumlah ini dilihat sedikit namun jika dilihat kepada kadar kebolehpasaran **graduan ILKBS iaitu pada kadar 93% pada 2018**

dan 96% pada 2022, ianya jelas menunjukkan bahawa graduan yang dilahirkan dari ILKBS mempunyai nilai kebolehpasaran yang tinggi dalam industri. Ramai pelajar ILKBS ditawarkan peluang pekerjaan pada semester terakhir atau selepas latihan industri oleh pihak Industri selain penawaran kerja oleh syarikat yang mempunyai jalinan kerjasama strategik dengan Kementerian.

ILKBS komited dalam **membantu mengubah taraf hidup belia** terutamanya belia di kawasan luar bandar dan bertaraf B40 melalui beberapa kaedah iaitu dengan **menawarkan peluang bagi mempelajari latihan kemahiran secara sepenuh masa, separuh masa dan juga program jangka pendek** supaya belia mendapat peluang **pekerjaan atau berniaga sendiri dan juga melanjutkan pengajian ke tahap yang lebih tinggi**. Komitmen Kerajaan Perpaduan terhadap pendidikan TVET dicerminkan dalam belanjawan setiap tahun dan **Belanjawan untuk Tahun 2024 telah memperuntukkan sebanyak RM6.8 bilion ringgit bagi tujuan pemerksaan pendidikan TVET seluruh negara**.

Terima kasih kepada Kerajaan Perpaduan yang **memperuntukkan sebanyak RM327 juta bagi pembangunan kemahiran belia di semua ILKBS dan pelbagai peringkat bagi membangun serta melahirkan graduan TVET** yang berkemahiran tinggi. Kerajaan menunjukkan komitmen dalam melahirkan belia berkemahiran dan boleh masuk dalam pasaran pekerjaan supaya mampu memperbaiki sosio-ekonomi diri sendiri dan keluarga sekaligus memberikan impak yang besar kepada pengeluaran tenaga mahir dalam pasaran tenaga kerja. Dengan itu, KBS berharap agar TVET di bawah ILKBS dapat menjadi pilihan utama para belia Malaysia.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK TEO ENG TEE @ TEO KOK
CHEE
TARIKH : 4 DISEMBER 2023

DATUK TEO ENG TEE @ TEO KOK CHEE minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan pelan tindakan Kerajaan dalam memberi galakan kepada usahawan bukan Bumiputera yang berada dalam sektor industri kecil dan sederhana (IKS).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) dan agensi-agensinya menyediakan pelbagai bentuk galakan kepada usahawan yang terbuka kepada semua kaum termasuk bukan Bumiputera dalam sektor Industri Kecil dan Sederhana (IKS) merangkumi program pembangunan kapasiti dan keupayaan, pembiayaan perniagaan, bimbingan bersepadu dan program akses pasaran.

2. Antara program-program tersebut ialah:

- (i) program pembangunan kapasiti dan keupayaan seperti **Program GrowBiz oleh SME Corp** bagi meningkatkan pengetahuan dan memberi bimbingan kepada usahawan dalam menaiktaraf perniagaan mereka daripada syarikat bersaiz mikro kepada kecil di samping meningkatkan kecekapan perniagaan dan produktiviti;
- (ii) program pembiayaan di bawah **SME Bank** seperti skim **SME Technology Transformation Fund (STTF)** dengan nilai pembiayaan di antara RM100,000 hingga RM3 juta dan skim **SME Recapitalisation Fund** dengan nilai pembiayaan di antara RM1 juta hingga RM5 juta;

- (iii) program bimbingan bersepadu seperti **Business Accelerator Programme (BAP)** oleh SME Corp. yang menawarkan khidmat nasihat dan sokongan pembiayaan dalam bentuk geran padanan atau pinjaman mudah sehingga RM400,000; dan

- (iv) program akses pasaran seperti **SMEs Go Global** oleh **SME Corp.** kepada usahawan bersaiz kecil dan sederhana terutamanya dalam bidang berpertumbuhan tinggi untuk berkembang ke pasaran global.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK JOHN AMBROSE
TARIKH : 4 DISEMBER 2023

YB DATUK JOHN AMBROSE minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil untuk meningkatkan penglibatan golongan bukan Bumiputera dalam perkhidmatan awam agar ia mencerminkan demografi kaum di Malaysia.

JAWAPAN

**YB DATUK ARMIZAN BIN MOHD ALI
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(HAL EHWAL SABAH, SARAWAK DAN TUGAS-TUGAS KHAS)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi **menggalakkan masyarakat pelbagai kaum untuk menyertai perkhidmatan awam**, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia (SPA) sentiasa komited dalam melaksanakan inisiatif seperti Hari Kerjaya, Hari Bertemu Pelanggan, program *outreach* anjuran SPA dan jemputan agensi luar. Pelaksanaan inisiatif-inisiatif ini dijayakan melalui kerjasama strategik bersama agensi yang menguruskan hal ehwal masyarakat tertentu seperti:
 - (i) Unit Transformasi Masyarakat India Malaysia (MITRA);
 - (ii) Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA);
 - (iii) institusi pengajian tinggi;
 - (iv) sekolah; dan
 - (v) badan bukan kerajaan (NGO).

2. Terdapat **lima pihak berkuasa melantik** yang diberi peranan dalam urusan pengambilan penjawat awam dalam perkhidmatan awam iaitu Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA), Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan (SPKP), Suruhanjaya Pasukan Polis, Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran (SPP) dan Majlis Angkatan Tentera.

3. SPA merupakan salah satu pihak berkuasa melantik bagi perkhidmatan awam di peringkat persekutuan yang meliputi **28.56%** daripada keseluruhan perjawatan dalam perkhidmatan awam di Malaysia yang berjumlah **1.74 juta**. Manakala, pelantikan tetap yang dibuat oleh SPA ialah sebanyak **38.17%** daripada keseluruhan kelulusan pengisian perjawatan di gred lantikan dalam perkhidmatan awam oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) yang berjumlah **54,392**. Di bawah bidang kuasa SPA, urusan pengambilan dan pelantikan pegawai meliputi perkhidmatan awam am Persekutuan dan empat (4) buah negeri iaitu Melaka, Pulau Pinang, Perlis dan Negeri Sembilan.

4. Urusan pengambilan dan pelantikan pegawai dilaksanakan secara telus berdasarkan **merit dan kompetensi** seseorang calon. Dasar pelantikan ini bertujuan untuk memastikan calon yang berkualiti sahaja dilantik ke perkhidmatan awam. **Tiada penetapan sebarang kuota untuk sesuatu agama, kaum, bangsa atau etnik tertentu** dalam pelantikan anggota perkhidmatan awam. Semua warganegara Malaysia mempunyai peluang yang sama untuk dipertimbangkan dalam **persaingan yang terbuka dan adil (*open and fair competition*)**.

5. Umum mengetahui bahawa **permohonan untuk berkhidmat dalam perkhidmatan awam pastinya bergantung kepada kehendak, minat, dan kecenderungan** seseorang individu itu sendiri. **Setiap orang tanpa mengira kaum atau etnik berhak dan bebas memilih profesion atau kerjaya masing-masing** sama ada untuk bekerja dalam sektor awam, swasta, bekerja sendiri, berniaga dan sebagainya.

6. Pada tahun 2022, SPA telah menerima sebanyak **1,279,494** permohonan dan seramai **20,762** orang calon telah dilantik tetap yang terdiri daripada **18,257 (87.93%)** orang calon kaum **Bumiputera** dan **2,505 (12.07%)** orang calon kaum **Bukan Bumiputera**.

BIL	KATEGORI	2022		
		DEMOGRAFI DI MALAYSIA*	PERMOHONAN	PELANTIKAN
1.	BUMIPUTERA	22,857,300 (69.90%)	1,171,587 (91.57%)	18,257 (87.93%)
2.	BUKAN BUMIPUTERA	9,842,700 (30.10%)	107,907 (8.43%)	2,505 (12.07%)
JUMLAH		32,700,000	1,279,494	20,762**

Nota:

*Sumber data dari Jabatan Perangkaan Malaysia.

**20,762 ialah 38% daripada jumlah keseluruhan pengisian jawatan (54,392) bagi tahun 2022. Jumlah keseluruhan pengisian tidak termasuk pengisian badan berkanun dan pihak berkuasa tempatan.

Sekian, teirma kash.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK LIM PAY HEN
TARIKH : 4 DISEMBER 2023

DATUK LIM PAY HEN minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk menangani kenaikan kos perkhidmatan kesihatan terutamanya kos ubat-ubatan akibat daripada kejatuhan nilai Ringgit agar hal ini tidak menjejaskan orang ramai khususnya golongan B40 yang perlu mendapatkan rawatan di hospital awam.

JAWAPAN

Tan Sri Yang di-Pertua,

1. Sememangnya terdapat kenaikan kos perkhidmatan kesihatan di Malaysia bagi memastikan perkhidmatan kesihatan yang diberikan kepada rakyat negara ini adalah berkualiti. Jumlah peruntukan KKM bagi keseluruhan perkhidmatan kesihatan termasuk ubat-ubatan bagi tahun 2023 hingga 2024 adalah seperti berikut:

Tahun	Peruntukan Keseluruhan (RM)	Catatan
2023	36.32 billion	RM4.90 billion adalah diperuntukkan untuk ubat-ubatan
2024	41.21 billion	RM5.54 billion adalah diperuntukkan untuk ubat-ubatan

2. Walau bagaimanapun, kenaikan kos ini tidak membebankan pesakit yang mendapatkan rawatan di fasiliti KKM memandangkan pesakit hanya dikenakan caj sebanyak RM1 di Jabatan Pesakit Luar Am dan RM5 di Jabatan Pesakit Luar Pakar. Caj tersebut adalah merangkumi caj pendaftaran, siasatan, konsultasi dan pembekalan ubat-ubatan.

3. Bagi pesakit yang dimasukkan ke wad, caj yang dikenakan kepada pesakit adalah mengikut kelas wad dimana pesakit tersebut ditempatkan. Pesakit warganegara yang mendapatkan rawatan di fasiliti KKM akan dikenakan caj perubatan berdasarkan Perintah Fi (Perubatan) 1982 dan Perintah Fi (Perubatan) (Pindaan) 2017.
4. Namun, bagi pesakit yang kurang berkemampuan untuk membayar bil perubatan, pesakit berkenaan boleh memohon pengecualian atau pengurangan caj pesakit luar dan pesakit dalam kelas tiga. Hal ini adalah selaras dengan Perenggan 16(7) Perintah Fi (Perubatan) 1982 yang memperuntukkan kuasa kepada Pengarah Hospital untuk mempertimbangkan pengecualian caj kepada pesakit kurang berkemampuan.
5. Selain itu, KKM telah mengambil langkah-langkah berikut bagi mengoptimumkan perbelanjaan dan penjimatan kepada Kerajaan dalam urusan perolehan ubat-ubatan seperti berikut:
 - (a) Melaksanakan perolehan ubat-ubatan secara bersama antara KKM, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dan Kementerian Pertahanan (MINDEF) melalui prinsip *do more with less*. Pada Februari 2019, Kementerian Kewangan telah memberi kelulusan pelaksanaan ini yang merupakan projek rintis di antara KKM, KPT dan MINDEF melalui kaedah tender terbuka. Sehingga Mac 2023, KKM telah merealisasikan perolehan secara bersama bagi 81 produk dengan penjimatan keseluruhan sebanyak RM179.6 juta (17.7% daripada RM1.016 billion keseluruhan nilai perolehan secara bersama) hasil dari penurunan harga yang diperolehi. Penjimatan hasil penurunan harga tertinggi didapati

NO SOALAN: 16

apabila perolehan berubah dari perolehan jenama inovator kepada jenama generik dengan penjimatan sebanyak RM101.2 juta dengan median penurunan harga sehingga RM9.48 seunit. Lembaga Perolehan KKM juga telah meluluskan peluasan inisiatif kepada 90 item baru di bawah Pelaksanaan Perolehan Bersama di antara KKM, KPT dan MINDEF ini.

- (b) Menggalakkan perolehan dan penggunaan ubat generik yang kebiasaannya lebih berpatutan berbanding ubat inovator. Pada tahun 2006, Dasar Ubat Nasional (DUNas) yang merupakan satu dokumen rasmi kerajaan Malaysia telah diluluskan oleh Jemaah Menteri. DUNas telah menggariskan satu ketetapan dasar bagi menggalakkan penggunaan ubat generik di Malaysia.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' DR. NELSON A/L
RENGANATHAN
TARIKH : 4 DISEMBER 2023

DATO' DR. NELSON A/L RENGANATHAN minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan adakah kuota pelajar di institusi Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) di bawah kelolaan Kementerian telah diisi dengan sepenuhnya dan jika tidak, berapakah jumlah kekosongan yang sedia ada yang boleh ditawarkan semula, serta kursus-kursus yang terlibat.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

1. Kapasiti penuh pengambilan Institusi Latihan Jabatan Tenaga Manusia (ILJTM) pada **tahun 2023**, adalah seramai **9,000 orang pelajar**. Namun pengambilan jumlah pelajar adalah terikat dengan beberapa faktor seperti jumlah perjawatan pengajar yang diisi, peruntukan yang disalurkan bagi menampung kos bekalan makanan bermasakan islam serta perolehan kelengkapan latihan.

2. ILJTM membuat pengambilan pelajar bagi program sepenuh masa melalui (dua) 2 sesi kemasukan dalam setiap tahun. Daripada data pengambilan, pada **tahun 2023** seramai **8,635 orang pelajar** baru telah mengikuti latihan di Institut Latihan Jabatan Tenaga. Daripada jumlah tersebut, seramai 3,150 orang pelajar bagi kemasukan sesi 1/2023 dan 5,485 orang pelajar pula bagi kemasukan bagi sesi 2/2023.

3. Selain menawarkan kursus sepenuh masa, Institut Latihan Jabatan Tenaga juga ada menawarkan kursus separuh masa secara *modular* dan *customised* kepada pekerja industri dan komuniti setempat. Penyertaan kursus ini adalah terbuka dan boleh disertai pada hujung minggu dan di luar waktu pejabat.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN MANOLAN BIN MOHAMAD
TARIKH : 4 DISEMBER 2023

TUAN MANOLAN BIN MOHAMAD minta **MENTERI PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk membenarkan pengeksportan kayu gaharu dan tongkat ali.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pengeksportan gaharu adalah dibenarkan namun ia tertakluk kepada kelulusan Permit di bawah Konvensyen Perdagangan Antarabangsa Spesies Flora dan Fauna Liar Terancam (CITES). Permit CITES dikeluarkan oleh Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB) yang berperanan sebagai pihak berkuasa pengurusan (*Management Authority*) CITES. Selain itu, pengeksportan gaharu turut tertakluk kepada kelulusan kuota eksport tahunan. Penetapan kuota ini adalah selari dengan keperluan Konvensyen CITES, yang mana gaharu adalah tersenarai di dalam Apendiks II CITES dan tertakluk kepada penetapan kuota eksport tahunan serta Permit CITES.
2. Pada tahun 2023, kuota eksport gaharu dari sumber hutan asli ditetapkan adalah sebanyak 25,000 kilogram. Sehingga Oktober 2023, sebanyak 20% (5,008 kilogram) kuota eksport telah digunakan. Manakala, pengeksportan gaharu dari sumber perladangan adalah tanpa kuota dan memerlukan Sijil Pendaftaran Penanam Gaharu yang dikeluarkan oleh MTIB. Sehingga Oktober 2023, sebanyak 263 syarikat/individu telah berdaftar sebagai penanam gaharu dengan keluasan 2,103 hektar kawasan ladang gaharu.
3. Permintaan global gaharu diramalkan akan terus meningkat dan pada masa ini, pasaran minyak gaharu global bernilai AS\$250 juta (RM1.2 bilion) dan dijangka mencecah AS\$450 juta (RM2.1 bilion) dalam sedekad akan datang. Namun begitu, kadar bekalan hanya 40 peratus daripada permintaan dan harga pasaran satu liter minyak

gaharu adalah sekitar AS\$10,000 (RM46,752) hingga AS\$14,000 (RM65,453).

4. Manakala, berdasarkan Prosedur Operasi Piawai Pemeriksaan Konsainan Herba Yang Dieksport yang dibangunkan oleh Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS), aktiviti pengeksportan bahan mentah herba tongkat ali ke luar negara adalah dilarang kecuali yang dibangunkan secara perladangan, tertakluk kepada kelulusan pihak MAQIS. Setakat ini bekalan bahan tongkat ali hanya mencukupi bagi menampung permintaan di dalam Negara sahaja.
5. Walaupun demikian, produk-produk berasaskan tongkat ali yang bernilai tinggi boleh dieksport ke serata dunia.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' SHAMSUDDIN BIN HAJI ABD
GHAFFAR
TARIKH : 4 DISEMBER 2023

DATO' SHAMSUDDIN BIN HAJI ABD GHAFFAR minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan bagi meningkatkan pendapatan penduduk luar bandar supaya mereka boleh keluar daripada kitaran kemiskinan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan Laporan Kemiskinan 2022, kadar kemiskinan di luar bandar menurun daripada 12.4% pada tahun 2019 kepada 12% pada tahun 2022. Manakala kadar kemiskinan tegar di luar bandar juga menurun daripada 0.9% pada tahun 2019 kepada 0.7% pada tahun 2022. Ini adalah satu perkembangan yang baik memandangkan kadar kemiskinan nasional dan bandar meningkat daripada 2019 ke 2022. Walau bagaimanapun, KKDW mengakui masih banyak usaha yang perlu dilaksanakan memandangkan kadar kemiskinan tegar nasional tegar adalah pada 0.2%.

Sehubungan itu, Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) telah melaksanakan pelbagai program pembasmiaan kemiskinan untuk menurunkan kadar kemiskinan di Kawasan luar bandar. KKDW telah melaksanakan pelbagai projek prasarana bagi mempercepatkan dan merencanakan pertumbuhan ekonomi di luar bandar. Melalui Bajet 2023, sejumlah RM2.48 bilion telah diperuntukan bagi pembangunan infrastruktur luar bandar seperti Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB), Bekalan Air Luar Bandar (BALB) dan Program Ameniti Sosial (PAMS) di luar bandar termasuk RM1.09 billion untuk Jalan Luar Bandar (JALB) dan RM339.1 juta untuk Jalan Perhubungan Desa (JPD). KKDW sentiasa komited bagi memastikan masyarakat desa juga mempunyai akses kepada infrastruktur dan kemudahan sosial yang setanding dengan kawasan bandar.

NO SOALAN: 19

Selain itu, KKDW juga melaksanakan Program Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT) yang merupakan program pembasmian kemiskinan luar bandar yang menyediakan bantuan bina baharu atau pembaikan rumah kepada golongan miskin dan miskin tegar untuk memiliki kediaman yang selamat dan selesa dan seterusnya memastikan kumpulan sasar ini dapat meneruskan kelangsungan hidup dengan lebih baik. Bagi tahun 2023, Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM460.2 juta di bawah program yang sama melibatkan 15,000 unit rumah (Bina Baharu dan Baik Pulih) yang memberi manfaat kepada 61,088 Ahli Isi Rumah.

Bagi merancakkan pembangunan ekonomi luar bandar, KKDW juga telah menyediakan program ekonomi untuk penduduk luar bandar secara individu iaitu Program Peningkatan Pendapatan (PPP) yang menyediakan bantuan peralatan dan latihan yang menasaskan golongan miskin dan miskin tegar dengan memberikan bantuan secara *one-off* bernilai maksimum RM10,000 kepada penerima yang layak dalam bentuk peralatan dan latihan. Untuk tahun 2023, sebanyak RM12 juta telah diperuntukkan dengan penerima manfaat sebanyak 1,202 orang. Melalui program ini, peserta dijangka dapat meningkatkan pendapatan sekurang-kurangnya 30 peratus daripada pendapatan asal.

KKDW turut mempunyai program ekonomi secara berkelompok seperti Projek Bersepadu Pembangunan Ekonomi Kampung (PROSPEK) yang memfokuskan kepada aktiviti ekonomi sedia ada melalui pembangunan produk *niche* yang akan dikembangkan di beberapa buah kampung supaya wujud pertumbuhan ekonomi. Penerima manfaat PROSPEK terdiri daripada para peserta dan penduduk di kampung yang terlibat. Penduduk kampung yang terlibat akan menikmati manfaat daripada

pembangunan komponen ekonomi, perumahan dan prasarana asas. Bilangan PROSPEK yang sedang dilaksanakan sehingga tahun 2022 adalah berjumlah 16 projek. PROSPEK Rintis Kg. Sidam, Kulim, Kedah merupakan contoh kampung yang telah berjaya dengan purata pendapatan bulanan bagi peserta IKS PROSPEK Rintis Kg. Sidam meningkat hampir tiga puluh lima peratus berbanding purata pendapatan sebelum menyertai PROSPEK yang bermula pada tahun 2018.

KKDW turut melaksanakan program Desa Lestari yang merupakan program ekonomi melalui pendekatan bawah atas (bottom-up approach) untuk meningkatkan pendapatan komuniti desa melalui platform koperasi. Terdapat 105 koperasi desa yang terlibat aktif dalam program Desa Lestari yang memberi manfaat kepada 32,000 penduduk desa dan telah mewujudkan 4,300 peluang pekerjaan di kawasan desa.

KKDW turut memberi penekanan kepada aktiviti keusahawanan yang dianggap sebagai salah satu intervensi pembangunan strategik yang boleh mempercepat proses pembangunan luar bandar. KKDW telah melaksanakan pelbagai program untuk mendaya upaya usahawan luar bandar bagi membolehkan mereka bersaing dan berdaya tahan dalam situasi ekonomi semasa. Antara program yang dilaksanakan adalah skim pembiayaan melalui Program Sokongan Pengukuhan Keusahawanan Luar Bandar (SPKLB). KKDW telah mensasarkan 70% penerima SPKLB berjaya meningkatkan pendapatan sekurang-kurangnya 30% selepas tempoh 6 bulan. Dalam hal ini, seramai 832 usahawan (71%) daripada 1,162 penerima yang telah berjaya meningkatkan pendapatan sekurang-kurangnya 30% berbanding sebelum menerima SPKLB.

NO SOALAN: 19

KKDW juga mempunyai ekosistem keusahawanan yang lengkap daripada peringkat mikro sehingga ke peringkat antarabangsa. Terdapat pelbagai program keusahawanan yang ditawarkan oleh KKDW dan agensi-agensi KKDW terutamanya MARA, dari segi latihan dan pembangunan kapasiti, pembiayaan kewangan, penyediaan premis dan peralatan, akses pasaran, pensijilan serta teknologi. KKDW turut membantu usahawan luar bandar ke arah pendigitalan melalui Program Pendigital Usahawan Desa (PPU). Terdapat kira-kira 67,000 usahawan yang pernah menerima manfaat di bawah program-program keusahawanan KKDW dan agensi KKDW.

KKDW juga akan mempelopori beberapa pendekatan baharu secara bawah-atas sama ada melalui program ekonomi secara berkelompok atau individu di kampung-kampung serta melalui kerjasama dengan perusahaan sosial dan pertubuhan bukan Kerajaan bagi meningkatkan pendapatan penduduk luar bandar dan membasmi kemiskinan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN JAZIRI ALKAF ABDILLAH
SUFFIAN
TARIKH : 4 DISEMBER 2023

TUAN JAZIRI ALKAF ABDILLAH SUFFIAN minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan status mengenai pemberian autonomi kesihatan kepada Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak memandangkan pemberian kuasa pentadbiran untuk sektor pendidikan dan kesihatan di Sabah serta Sarawak terutamanya pengambilan petugas merupakan antara perkara penting yang sedang dibincangkan oleh Kerajaan Persekutuan melalui Sekretariat Perjanjian Malaysia 1963 (MA63).

JAWAPAN

Tan Sri Yang di-Pertua,

1. Artikel 74, Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan menyatakan bahawa **perubatan dan kesihatan** terletak di bawah bidang kuasa Kerajaan Persekutuan. Cadangan penurunan kuasa autonomi kesihatan kepada Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak adalah melalui platform **Mesyuarat Majlis Tindakan Pelaksanaan Perjanjian Malaysia 1963 (MTPMA63)** yang **dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri**.
2. **Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)** berpandangan bahawa **isu-isu yang dibangkitkan Negeri Sabah dan Sarawak** seperti pengambilan petugas kesihatan, pertambahan bajet dan pembinaan fasiliti **boleh ditambah baik** melalui **penyelarasan strategik** dan **kerjasama berterusan melalui platform sedia ada dan Mesyuarat MTPMA63**.
3. KKM telah menubuhkan **Jawatankuasa Tindakan Bersama Pembangunan Kesihatan Sabah dan Sarawak** yang bertujuan untuk **memperinci dan memperhalusi perkara-perkara di atas**.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK HAJI MUSTAFA BIN MUSA
TARIKH : 4 DISEMBER 2023**

DATUK HAJI MUSTAFA BIN MUSA minta **MENTERI PEMBANGUNAN
KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan:

(a) jumlah peruntukan bagi menyelenggarakan dan menaik taraf landskap seni taman, alatan permainan dan kawasan riadah di seluruh kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di Melaka pada tahun 2024; dan

(b) bagaimanakah Kerajaan dapat memastikan keadaan taman, alatan permainan dan kawasan riadah awam terpelihara dan terhindar daripada aktiviti vandalisme.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Jabatan Landskap Negara (JLN) menyediakan peruntukan berjumlah RM500,000 bagi tujuan menaik taraf fungsi kawasan riadah dan rekreasi landskap bagi negeri Melaka bagi tahun 2024 termasuk menaik taraf peralatan permainan kanak-kanak.

Bagi memastikan keadaan taman, alatan permainan dan kawasan riadah awam terpelihara dan terhindar daripada aktiviti vandalisme, pendekatan yang diambil oleh Kerajaan melalui JLN adalah dengan memastikan penekanan kepada kepentingan pihak bertanggungjawab untuk mengurus setiap taman dan ruang landskap yang dibangunkan dengan baik secara berkala bagi memastikan taman-taman awam berfungsi dengan baik dan selamat. Ini bermula dari peringkat perancangan dan rekabentuk berdasarkan kepada garis panduan dan piawaian rekabentuk landskap yang telah ditetapkan oleh JLN dan agensi-agensinya teknikal berkaitan.

Selain itu, Program Rakan Taman juga merupakan pendekatan Kerajaan melalui JLN dalam menggalakkan usaha kolektif komuniti setempat dalam menjaga dan memelihara keadaan landskap taman setempat serta kebersihan persekitaran kejiranan, sekali gus menerapkan semangat kekitaan dan gotong-royong yang membantu mengurangkan gejala vandalisme ke atas landskap taman dan alatan permainan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TAN SRI DATO' LOW KIAN CHUAN
TARIKH : 4 DISEMBER 2023

TAN SRI DATO' LOW KIAN CHUAN minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah Kerajaan berhasrat untuk mengembangkan penggunaan aplikasi MySejahtera bagi merangkumi perkhidmatan agensi Kerajaan yang lain seperti pelaksanaan subsidi bersasar.

JAWAPAN

Tan Sri Yang di-Pertua,

Kerajaan Madani sentiasa meneliti dan mempertimbangkan pendekatan terbaik dalam penyampaian perkhidmatan awam termasuk pendekatan digital seperti MySejahtera. Sekiranya terdapat keputusan dasar, Kementerian Kesihatan Malaysia akan bekerjasama dengan agensi lain dalam penggunaan aplikasi MySejahtera.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK NORAINI BINTI IDRIS
TARIKH : 4 DISEMBER 2023

DATUK NORAINI BINTI IDRIS minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN DIGITAL** menyatakan kawasan-kawasan luar bandar di negeri Sabah yang akan mendapat manfaat daripada perluasan capaian jalur lebar 5G yang berkelajuan tinggi dan apakah status terkini pemasangan peranti Starlink yang dikatakan akan diperhebat pemasangannya di negeri tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pelaksanaan rangkaian 5G negara ketika ini sedang giat dijalankan oleh Digital Nasional Berhad (DNB), di mana Kerajaan telah menyasarkan untuk menyiapkan sebanyak 7,509 tapak 5G di seluruh negara dengan liputan populasi sebanyak 80% di kawasan berpenduduk menjelang penghujung tahun 2023. Setakat 31 Oktober 2023, sebanyak 6,057 tapak 5G telah siap dibangunkan di seluruh negara dengan liputan populasi sebanyak 73% di kawasan berpenduduk. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 437 tapak berada di negeri Sabah dengan liputan populasi sebanyak 53.2% di kawasan berpenduduk.

Perincian jumlah tapak 5G yang telah siap dibangunkan mengikut daerah di negeri Sabah setakat 31 Oktober 2023 adalah seperti berikut:

No.	Daerah	Jumlah Tapak Siap
1.	Beaufort	1
2.	Keningau	12
3.	Kota Belud	3
4.	Kota Kinabalu	131
5.	Kota Marudu	4
6.	Kudat	5
7.	Kunak	3
8.	Lahad Datu	27
9.	Papar	15
10.	Penampang	47
11.	Putatan	29
12.	Ranau	1
13.	Sandakan	47
14.	Semporna	11
15.	Sipitang	1
16.	Tawau	69
17.	Tuaran	31
Jumlah Keseluruhan		437

Kerajaan melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) sedang menjalankan *Proof of Concept* (POC), bagi pemasangan peranti satelit Starlink. Tujuan POC ini adalah untuk menilai kebolehlaksanaan (*feasibility*) penyediaan perkhidmatan jalur lebar Starlink sebagai langkah interim selama setahun bagi menyelesaikan isu-isu ketersambungan yang dihadapi di kawasan-kawasan yang menghadapi masalah liputan termasuklah di sekolah dan kawasan terpencil sebelum penyelesaian kekal dilaksanakan.

NO SOALAN: 23

POC ini dibahagikan kepada dua fasa yang melibatkan pemasangan sebanyak 40 unit peranti Starlink. Fasa 1 melibatkan 10 unit peranti Starlink yang telah dipasang di lokasi-lokasi terpilih di seluruh negara termasuk dua di negeri Sabah iaitu di Kampung Langsung, Ranau dan SK Malaing, Nabawan manakala Fasa 2 pula dijangka akan dilaksanakan pada suku pertama tahun hadapan dengan sekurang-kurangnya tujuh peranti starlink akan dipasang di negeri Sabah.

Perkhidmatan internet satelit Starlink juga boleh dilanggan secara terus oleh semua rakyat Malaysia melalui laman sesawang rasmi Starlink. Pengguna boleh merujuk laman tersebut untuk mendapatkan maklumat perkhidmatan dan pakej yang ditawarkan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK PAUL IGAI
TARIKH : 4 DISEMBER 2023

DATUK PAUL IGAI minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan bilangan Duta Besar Malaysia dan Pesuruhjaya Tinggi yang dilantik daripada perkhidmatan awam, politik dan lain-lain mengikut negeri dan jantina.

JAWAPAN

**YB DATUK MOHAMAD BIN ALAMIN
TIMBALAN MENTERI LUAR NEGERI
KEMENTERIAN LUAR NEGERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Datuk Paul Igai atas pertanyaan yang dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, dalam mengenal pasti dan seterusnya mengangkat cadangan calon Ketua Perwakilan Diplomatik Malaysia, sama ada Duta Besar mahupun Pesuruhjaya Tinggi, Kerajaan Malaysia, melalui Kementerian Luar Negeri, senantiasa memberi penekanan terhadap pelbagai aspek kompetensi, termasuk namun tidak terhad kepada latar belakang calon, pengalaman dan tempoh perkhidmatan, keutuhan integriti, kemahiran diplomasi, dan juga kesesuaian calon di negara penempatan.

3. Pemilihan calon yang berkaliber dan mempunyai latar belakang bersesuaian amatlah penting memandangkan Ketua Perwakilan yang dilantik memikul tanggungjawab yang besar sebagai wakil rasmi negara, dalam usaha memperkasa diplomasi Malaysia di persada antarabangsa termasuk dalam mengetengahkan dan mempertahankan kepentingan Malaysia di negara-negara yang mereka ditauliahkan.

4. Untuk makluman Yang Berhormat, secara puratanya, seorang Ketua Perwakilan Diplomatik akan berkhidmat selama tiga (3) tahun di sesebuah negara penempatan dan seterusnya akan diberi penempatan baharu, sama ada di negara lain ataupun kembali ke ibu pejabat.

5. Pada masa ini, daripada jumlah keseluruhan 68 orang Ketua-ketua Perwakilan Diplomatik Malaysia di luar negara, hanya seorang Ketua Perwakilan yang dilantik dari kalangan ahli politik, iaitu, Duta Besar Malaysia ke Amerika Syarikat. Manakala, 67 orang lagi Ketua Perwakilan merupakan Pegawai Perkhidmatan Awam dan menjawat jawatan sebagai Duta Besar, Pesuruhjaya Tinggi, Wakil Tetap, dan Presiden Pusat Persahabatan dan Perdagangan Malaysia di Taipei.

6. Daripada jumlah 68 orang Ketua Perwakilan tersebut, 11 adalah berasal dari Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur; 10 dari Perak; 9 dari Johor; 9 dari Selangor; 5 dari Kedah; 5 dari Kelantan; 4 dari Pahang; 3 dari Pulau Pinang; 3 dari Sarawak; 3 dari Terengganu; 2 dari Negeri Sembilan; 2 dari Sabah; 1 dari Melaka; dan 1 dari Perlis.

7. Dari aspek komposisi jantina pula, saya ingin kongsi bahawa daripada jumlah 68 orang Ketua Perwakilan tersebut, seramai 53 adalah lelaki, manakala 15 adalah wanita. Melihat kepada konteks yang lebih umum, jumlah keseluruhan penjawat awam Kumpulan Pengurusan dan Profesional (P&P) di Kementerian Luar Negeri adalah seramai 617 pegawai yang mana seramai 338 (54.78%) adalah pegawai lelaki, manakala seramai 279 (45.22%) adalah pegawai wanita.

NO SOALAN: 24

8. Oleh yang demikian, komposisi bagi negeri dan jantina Ketua Perwakilan Diplomatik adalah berubah dari semasa ke semasa berdasarkan perancangan penempatan di ibu pejabat dan Perwakilan di luar negara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN MUSODDAK BIN AHMAD
TARIKH : 4 DISEMBER 2023

TUAN MUSODDAK BIN AHMAD minta **PERDANA MENTERI** menyatakan peranan Pusat Respons Scam Kebangsaan (NSRC) dalam melindungi golongan warga emas daripada berterusan menjadi mangsa panggilan penipuan dalam talian.

JAWAPAN

**YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Memandangkan perlakuan jenayah penipuan (*scam*) ini amat berleluasa, maka tindakan pembanterasan yang lebih berkesan perlu dilaksanakan melalui kaedah tindakan penguatkuasaan bersepadu (*whole-nation action*) oleh semua pihak berkepentingan sama ada dari pihak Kerajaan menerusi agensi-agensi penguat kuasa dan pihak swasta seperti institusi perbankan dan syarikat telekomunikasi.

2. Salah satu pendekatan yang diambil adalah dengan penubuhan Pusat Respon Scam Kebangsaan (*National Scam Response Centre – NSRC*) yang telah beroperasi semenjak 12 Oktober 2022 yang menggabungkan kerjasama daripada Polis DiRaja Malaysia (PDRM), Bank Negara Malaysia (BNM), Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM) dan Pusat Pencegahan Jenayah Kewangan Nasional (NFCC) serta disokong oleh institusi kewangan dan syarikat telekomunikasi. Secara umumnya, fungsi NSRC adalah untuk mengambil tindakan penguatkuasaan yang menyeluruh bagi memerangi kesalahan penipuan kewangan atas talian termasuk menjejaki dana (*fund tracing*). Usaha yang dilaksanakan ini berupaya menyekat pengaliran dan pelupusan hasil penipuan termasuk mengesan mereka yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam perlakuan kesalahan ini.

3. Merujuk kepada kes-kes yang melibatkan golongan warga emas khususnya, tindakan serta langkah-langkah yang telah dan sedang diambil oleh Kerajaan dalam menangani jenayah *scam* adalah seperti berikut: -

Bank Negara Malaysia (BNM)

4. BNM telah melaksanakan langkah kawalan dan standard di mana ia terpakai kepada semua pelanggan, termasuk terhadap pelanggan yang dikategorikan sebagai berisiko tinggi seperti warga emas. Sehingga Jun 2023, semua bank utama telah melaksanakan lima (5) langkah utama yang telah diumumkan seperti berikut:-

- a. Mempercepatkan peralihan daripada penghantaran kata laluan sekali sahaja (*One Time Password - OTP*) melalui sistem pesanan ringkas (SMS) kepada kaedah pengesahan yang lebih kukuh bagi transaksi dalam talian yang berkaitan dengan pembukaan akaun, pemindahan dana dan pembayaran serta pertukaran maklumat peribadi dan penetapan akaun (*account settings*);
- b. Memperketat peraturan pengesanan penipuan dan sekat transaksi yang disyaki terlibat dengan aktiviti penipuan kewangan;
- c. Mengenakan tempoh bertenang (*cooling-off period*) untuk pendaftaran kali pertama bagi perkhidmatan perbankan dalam talian atau peranti yang selamat (*secure device*);

- d. Mengehadkan pelanggan kepada hanya satu peranti sahaja untuk pengesahan transaksi perbankan dalam talian; dan
- e. Menyediakan talian hotline khusus untuk pelanggan melaporkan kes penipuan dalam talian melibatkan akaun bank mereka dan meningkatkan tahap respons ke atas laporan yang dibuat.

5. Di samping itu, BNM juga turut menguatkuasakan mekanisme “*kill switch*” bagi membolehkan pengguna mengambil tindakan segera untuk membekukan akaun mereka sendiri sekiranya terdapat aktiviti yang mencurigakan. Institusi kewangan juga akan terus meningkatkan kesedaran warga emas mengenai pengetahuan keselamatan siber bagi melindungi diri mereka daripada penipuan kewangan melalui pelbagai saluran seperti media penyiaran (TV dan radio), media cetak, media sosial, SMS dan emel.

Polis Diraja Malaysia (PDRM)

6. PDRM telah mewujudkan laman web ‘Semak *Mule*’ bagi kemudahan orang awam membuat semakan ke atas akaun bank dan nombor telefon yang pernah ada laporan polis atau terlibat dengan siasatan pihak polis.

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM)

7. Penglibatan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) adalah meliputi aspek bantuan teknikal berhubung siasatan, analisis dan tindakan lanjut oleh agensi-agensi penguatkuasaan,

memberikan maklumat bagi membantu mengenal pasti penjenayah, menjalankan analisis forensik digital, melaksanakan tindakan sekatan berdasarkan peruntukan di bawah kesalahan Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (AKM 98) – penyekatan/penamatan serta-merta nombor telefon yang mencurigakan serta pelaksanaan tindakan sekatan laman sesawang dan penurunan kandungan berdasarkan permohonan daripada pihak berkuasa untuk menangani kes-kes penipuan dalam talian. Selain itu, SKMM turut bersama-sama menyelaraskan kempen mencegah Penipuan Telekomunikasi.

Pusat Anti-Jenayah Kewangan Kebangsaan (NFCC)

8. NFCC telah menerajui penubuhan Pusat Respons Scam Kebangsaan (*National Scam Response Centre* – NSRC) yang telah mula beroperasi pada 12 Oktober 2022 yang lepas. Keberkesanan NSRC dapat dilihat di mana daripada Oktober 2022 sehingga 30 Oktober 2023, sebanyak 58,980 panggilan telah diterima oleh NSRC merangkumi laporan kes-kes penipuan dan khidmat nasihat kepada orang ramai.

9. Pada masa ini, kajian juga dilaksanakan bagi memperkukuhkan lagi pengoperasian NSRC agar struktur organisasi NSRC lengkap dan tersusun dengan perjawatan, kemudahan peralatan yang mencukupi dan sistem yang terjamin keselamatannya termasuklah kesediaan untuk beroperasi 24 jam. Berhubung hal ini, seperti mana diumumkan oleh YAB Perdana Menteri semasa pembentangan Belanjawan 2024 di Dewan Rakyat, peruntukan kepada NSRC bagi tahun 2024 telah ditingkatkan daripada RM10 juta kepada RM20 juta. Peningkatan dalam jumlah peruntukan ini mencerminkan pendirian yang teguh Kerajaan dalam membanteras jenayah scam.

10. Selain itu, bagi memantapkan lagi usaha-usaha Kerajaan dalam memerangi jenayah ini yang semakin kompleks, NSRC sedang meneliti beberapa peruntukan undang-undang sedia ada yang perlu dipinda termasuk Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001, Kanun Keseksaan dan Kanun Tatacara Jenayah.

11. Usaha-usaha penambahbaikan akan terus diambil oleh Kerajaan dalam memperkukuh keberkesanan NSRC. Terbaru, YAB Perdana Menteri semasa pembentangan Belanjawan 2024 di Dewan Rakyat, peruntukan kepada NSRC bagi tahun 2024 telah ditingkatkan daripada RM10 juta kepada RM20 juta. Peningkatan dalam jumlah peruntukan ini jelas mencerminkan pendirian teguh Kerajaan dalam membanteras jenayah penipuan atau *scam* ini.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' SRI TI LIAN KER
TARIKH : 4 DISEMBER 2023

DATO' SRI TI LIAN KER minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan: menyatakan langkah penambahbaikan Kerajaan dalam melestarikan perpaduan dengan meningkatkan pengetahuan, kefahaman dan penghayatan masyarakat pelbagai kaum mengenai khazanah warisan negara seiring dengan perkembangan teknologi terkini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Khazanah warisan adalah sesuatu yang diwarisi dari generasi yang terdahulu. Ia merupakan khazanah negara yang pernah atau sedang dimiliki oleh seseorang atau sesuatu kelompok masyarakat yang menjadi tanggungjawab bersama untuk dilindungi dan dikekalkan. 'Warisan kebudayaan' yang termaktub dalam Akta Warisan Kebangsaan adalah:
 - i. **Warisan Ketara** – termasuk objek / artifak (harta kebudayaan) atau apa-apa perkara fizikal yang dihasilkan oleh manusia
 - ii. **Warisan Tak Ketara** - merujuk kepada kehidupan atau kebudayaan manusia seperti sejarah lisan, seni persembahan, amalan sosial, ritual keagamaan, perayaan dan sebagainya.
2. Melihat kepada peri pentingnya seluruh rakyat memahami sejarah, ketamadunan serta warisan negara selari dengan usaha melahirkan rakyat yang mempunyai jati diri dan semangat cintakan negara yang tinggi, maka Kementerian Perpaduan Negara telah diperkukuhkan melalui pertambahan tiga (3) agensi iaitu Jabatan Muzium Malaysia, Arkib Negara Malaysia dan Perpustakaan Negara Malaysia.

3. Kementerian melalui agensi-agensi ini telah melipatgandakan usaha bagi melestarikan perpaduan dengan meningkatkan pengetahuan, kefahaman dan penghayatan masyarakat pelbagai kaum mengenai khazanah warisan negara melalui pelbagai aktiviti yang dijalankan pada tahun ini seperti berikut:

i. Jabatan Muzium Malaysia

- Citra Nusa@ Muzium
- Sambutan Hari Muzium Antarabangsa peringkat Kebangsaan
- Semarak Muzium
- Inspirasi Pelajar Inovasi Muzium
- Program Bermalam di Muzium

ii. Arkib Negara Malaysia

- Bicara Negarawan
- Bicara Bahasa Kolokial: Melestarikan Keberdayaan Bahasa Komuniti (Pahang, Sarawak, Perlis, Sabah, Perak)
- Program Arkib Memorial

iii. Perpustakaan Negara Malaysia

- Wacana Manuskrip Melayu
- Program Sanggar Puisi 2023: Rima Mengikat Sukma
- Kalam Karyawan 2023
- Program Pembudayaan Tulisan Jawi

4. Seiring dengan perkembangan dan penggunaan teknologi digital, kementerian melalui agensi-agensi telah melaksanakan inisiatif pendigitalan yang mampu menarik minat rakyat Malaysia terutamanya golongan muda terhadap khazanah warisan negara sekali gus memperkasakan konsep kebudayaan pintar. Antara inisiatif-inisiatif pendigitalan yang telah dilaksanakan adalah:

i. Jabatan Muzium Malaysia

- Galeri Maya 360
- Aplikasi Mudah Alih Muzium Negara AR

ii. Arkib Negara Malaysia

- Explorasi E-Negarawan (lawatan maya ke Memorial Negarawan)

iii. Perpustakaan Negara Malaysia

- perkhidmatan u-Pustaka yang menawarkan 22 pangkalan data yang boleh diakses di mana-mana sahaja secara 24/7 dan percuma yang menawarkan 903,854 judul koleksi digital merangkumi pelbagai bahan bacaan seperti e-buku, e-jurnal, e-surat khabar, e-pembelajaran, e-komik serta buku audio untuk golongan OKU
- Pendigitalan secara berkala bagi koleksi khazanah Warisan Negara (monograf, mikrofilem, nadir dan peribadi) dengan pencapaian kumulatif 2019 hingga Oktober 2023 adalah sebanyak 1,691,492 muka surat dan boleh dirujuk melalui sistem *MyRepository*.

5. Kementerian Perpaduan Negara amat komited dalam memperkasakan usaha untuk pendigitalan bahan- bahan khazanah negara di muzium, arkib, dan perpustakaan ke arah pengukuhan jati diri, kenegaraan dan pemantapan budaya berilmu yang sekali gus menyumbang kepada pengukuhan perpaduan. Pendigitalan khazanah negara ini akan menggunakan teknologi terkini termasuk teknologi “*Augmented Reality*” (AR) dan “*Virtual Reality*” (VR) yang juga selari dengan komitmen kerajaan dalam pengadaptasian teknologi Revolusi Industri 4.0 dalam perkhidmatan kepada rakyat. Antara perancangan pendigitalan yang akan dilaksanakan adalah seperti berikut:

i. Jabatan Muzium Malaysia

- Pembangunan muzium maya bagi Muzium Alam Semula Jadi
- Pemerksaan teknologi pameran di Muzium Arkeologi Lembah Bujang Arkib Negara Malaysia

ii. Arkib Negara Malaysia

- Menambahbaik e-negarawan (galeri maya negarawan)

iii. Perpustakaan Negara Malaysia

- Pendigitalan Koleksi Khazanah Warisan Negara Perpustakaan
- Perkhidmatan Metaverse Space Perpustakaan
- Galeri Maya Kebitaraan Malaysiana

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN HAJI HUSSIN BIN ISMAIL
TARIKH : 4 DISEMBER 2023

TUAN HAJI HUSSIN BIN ISMAIL minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan jumlah stok simpanan beras negara dan statistik berdasarkan kategori daripada sumber tempatan atau import.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah stok bekalan beras sehingga 28 November 2023 adalah sebanyak 917,942 tan metrik yang terdiri daripada 250,000 tan metrik stokpail Kerajaan dan 667,942 tan metrik stok dagangan. Jumlah ini adalah mencukupi untuk menampung keperluan beras negara bagi tempoh empat (4) hingga lima (5) bulan.

Pihak Kementerian sentiasa memantau tahap stok semasa beras negara dari semasa ke semasa bagi memastikan sebarang keperluan atau permintaan luar jangka dapat dipenuhi. Untuk makluman Yang Berhormat, penetapan jumlah simpanan stok dibuat adalah berdasarkan keperluan bagi penduduk Malaysia.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK SERI DR. MUJAHID BIN
YUSOF
TARIKH : 4 DISEMBER 2023

DATUK SERI DR. MUJAHID BIN YUSOF minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilakah satu Suruhanjaya Reformasi Undang-undang akan diaktakan.

JAWAPAN

**YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pembaharuan undang-undang merupakan satu proses yang berterusan. Di Malaysia, usaha ini sering kali dimulakan oleh pihak Kementerian sebagai pembuat dasar di mana dasar yang diterjemahkan melalui sesuatu undang-undang itu dikuatkuasakan oleh jabatan/agensi di bawahnya. Kementerian/Jabatan/Agensi akan menentukan sekiranya terdapat keperluan atau desakan supaya undang-undang berkaitan digubal, dipinda atau dimansuhkan bersesuaian dengan kehendak dan tuntutan semasa.

2. Dalam konteks ini, sistem perundangan sesebuah negara tidak boleh kekal statik, malahan perlu selaras dengan keperluan semasa berdasarkan kepada perkembangan ekonomi, sosial, teknologi dan politik sesebuah negara dan global secara umumnya. Oleh yang demikian, dalam proses pembaharuan undang-undang, adalah amat penting untuk memastikan undang-undang digubal turut mengambilkira keperluan dan suara di peringkat akar umbi terutamanya pengguna undang-undang tersebut. Begitu juga dengan sesuatu pindaan serta pemansuhan yang dicadangkan, ia perlulah "*fit for purpose*" dan selaras dengan keperluan semasa.

3. Menyedari hakikat bahawa undang-undang perlu mengikut perkembangan semasa dan sentiasa relevan dengan keadaan setempat, Kerajaan sedang mempertimbangkan untuk memberi keutamaan untuk penubuhan Pusat Pembaharuan Undang-Undang Komersial. Penubuhan ini akan dimuktamadkan setelah kajian dan sesi libat urus secara komprehensif diadakan dengan semua pihak berkepentingan dengan sewajarnya.

4. Reformasi undang-undang komersial melalui Pusat Pembaharuan Undang-Undang Komersial selaras dengan amalan terbaik antarabangsa adalah sangat penting bagi memastikan kerangka perundangan Negara yang sedia ada dapat meningkatkan keyakinan para pelabur, memupuk pertumbuhan ekonomi dan menjamin kesejahteraan rakyat, selaras dengan matlamat MADANI di bawah Kerajaan Perpaduan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' AJIS BIN SITIN
TARIKH : 4 DISEMBER 2023

DATO' AJIS BIN SITIN minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan :-

- (a) jumlah dan keluasan perkampungan Orang Asli di seluruh negara yang masih belum diwartakan sebagai tanah rizab Orang Asli di bawah Akta Orang Asli 1954 [Akta 134]; dan
- (b) jumlah peruntukan yang diperlukan untuk menyelesaikan kerja-kerja ukur perkampungan Orang Asli tersebut.

JAWAPAN**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Yang Berhormat, secara keseluruhannya, sebanyak 272 Kampung Orang Asli (KOA) dengan keluasan 80,677.5891 hektar telah diangkat permohonan warta kepada Pihak Berkuasa Negeri (PBN) dan sebanyak 391 KOA dalam proses permohonan kepada PBN.

Usaha melaksanakan pengukuran tanah terus diberikan perhatian dengan komitmen melalui peruntukan pembangunan bagi tujuan tersebut. Di bawah Rancangan Malaysia Ke-12 (2021-2025), sebanyak 114 Kampung Orang Asli telah disenaraikan bagi kerja-kerja ukur perimeter untuk penandaan sempadan penempatan bagi tujuan permohonan pewartaan tanah kepada Pihak Berkuasa Negeri (PBN) dan kerja ukur halus untuk kelulusan pewartaan.

Tahun	Peruntukan (RM)	Bilangan Lokasi
2021	5 juta	21
2022	8 juta	38
2023	5 juta	30
2024	5 juta	16
2025	5 juta	9
Jumlah	28 Juta	114

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK BOBBEY BIN SUAN
TARIKH : 4 DISEMBER 2023

DATUK BOBBEY BIN SUAN minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan kekangan yang dihadapi oleh Kerajaan untuk menyahrahsikan perjanjian sempadan maritim Malaysia-Indonesia yang ditandatangani baru-baru ini.

JAWAPAN

**YB DATUK MOHAMAD BIN ALAMIN
TIMBALAN MENTERI LUAR NEGERI
KEMENTERIAN LUAR NEGERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Datuk Bobbey Bin Suan atas pertanyaan yang dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Sepertimana Yang Berhormat Senator sedia maklum, isu persempadanan maritim adalah isu yang sensitif pada mana-mana negara kerana ia berkaitan dengan kedaulatan.

3. Dalam masa yang sama kita juga perlu menghormati dan memelihara hubungan diplomatik yang baik bagi menjamin keamanan, kestabilan dan kemakmuran ekonomi dengan mana-mana negara jiran, dan di peringkat antarabangsa secara amnya.

4. Saya maklum pelbagai pihak telah memohon agar Kerajaan mendedahkan atau menyahklasifikasikan perjanjian sempadan maritim Malaysia-Indonesia yang ditandatangani baru-baru ini.

5. Sekali lagi saya ingin menjelaskan di sini bahawa disebabkan oleh proses ratifikasi yang berbeza oleh kedua-dua negara, dokumen-dokumen tersebut masih belum boleh dikongsi kepada umum. Bagi Malaysia, proses ratifikasi merupakan proses eksekutif iaitu melalui Jemaah Menteri.

6. Dalam hal ini, Malaysia harus menghormati amalan antarabangsa dan proses perundangan sesebuah negara. Ia merupakan prinsip asas yang penting dalam memelihara hubungan diplomatik. Berdasarkan amalan antarabangsa, hanya setelah kedua-dua negara menyempurnakan proses ratifikasi berdasarkan undang-undang domestik masing-masing, barulah dokumen-dokumen tersebut dikongsikan kepada umum.

7. Dalam hal ini, Kerajaan berpandangan bahawa sikap saling menghormati amat penting dalam usaha negara untuk memperkukuhkan hubungan diplomatik dengan negara-negara lain, khususnya negara-negara jiran.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' KESAVADAS A/L
A. ACHYUTHAN NAIR
TARIKH : 4 DISEMBER 2023

DATO' KESAVADAS A/L A. ACHYUTHAN NAIR minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan langkah-langkah progresif yang sedang dilaksanakan menerusi sokongan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dalam memperkasakan sektor penternakan ayam dan lembu di seluruh negara bagi menghadapi sebarang ketidaktentuan permintaan dalam pasaran tempatan yang boleh mendorong kepada kebergantungan negara terhadap daging ayam dan lembu import.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Akta Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan 1965 (Pindaan) 2022 [Akta A1665] yang memberi kuasa kepada Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) untuk memainkan peranan dalam pengedaran komoditi ternakan telah dikuatkuasakan pada 1 Ogos 2023. Susulan itu, tujuh (7) strategi telah dirangka untuk memperkasa pemasaran sektor penternakan terpilih seperti berikut:

- (i) pengaturan pasaran dengan mempergiat kerjasama strategik awam-swasta dan syarikat peneraju dalam membantu pemasaran industri ternakan terpilih;
- (ii) penyediaan ruang pasaran dengan penambahan outlet pemborongan dan peruncitan;
- (iii) penyediaan infrastruktur serta kemudahan pemasaran, pengedaran dan logistik khusus untuk komoditi ternakan;
- (iv) penyediaan produk merangkumi pembungkusan, pelabelan dan pensijilan mengikut piawaian serta keperluan pasaran;
- (v) peningkatan kepelbagaian penggunaan hasil ternakan tempatan melalui program-program galakan pasaran;
- (vi) pelaksanaan intervensi pasaran melalui belian atau pengaturan pasaran sekiranya berlaku krisis; dan

- (vii) pendaftaran pemasar dengan kerjasama Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS).

Sebagai permulaan, tindakan yang telah dilaksanakan oleh FAMA dalam melaksanakan strategi tersebut adalah:

- (i) menyediakan ruang pasaran kepada 147 usahawan pemasar daging dan 302 usahawan pemasar ayam di 223 Pasar Tani di seluruh negara yang beroperasi setiap minggu. Pada masa yang sama, FAMA juga dalam perancangan untuk membangunkan Pusat Sehenti Pemasaran Daging Segar di Selangor dan Negeri Sembilan pada tahun 2024;
- (ii) menaik taraf kemudahan pengedaran dan logistik sedia ada khususnya fasiliti penyimpanan dan pengedaran ternakan di Pusat Operasi Alor Setar, Kedah dan Pusat Operasi Chendering, Terengganu; dan
- (iii) melaksanakan belian intervensi serta mengatur pasaran dengan kerjasama usahawan FAMA bagi memastikan pengedaran bekalan unggas dan telur kepada pengguna tidak terganggu. Sehingga 31 Oktober 2023, FAMA telah membeli 20 tan metrik ayam dengan nilai RM172,000 untuk dipasarkan dalam program Jualan Agro Madani. Selain itu, FAMA turut membeli 15 juta biji telur ayam bernilai RM5.7 juta untuk diedar dan dipasar menerusi 314 outlet peruncitan FAMA.

NO SOALAN: 31

Kementerian ini melalui FAMA akan terus mempergiat usaha dalam melaksanakan strategi yang telah dirangka untuk meningkatkan kecekapan aktiviti pemasaran dan pengedaran hasil ternakan terpilih di seluruh negara bagi memastikan isu ketidakpastian permintaan dalam pasaran dapat diatasi.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK WIRA DR. MOHD HATTA BIN
MD RAMLI
TARIKH : 4 DISEMBER 2023

DATUK WIRA DR. MOHD HATTA BIN MD RAMLI minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan rancangan Kementerian berkaitan potensi-potensi yang dapat dibangunkan dalam sektor *high-growth high-value* (HGHV) di setiap wilayah koridor ekonomi.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Industri *High Growth High Value* (HGHV) merupakan industri yang berpotensi memacu pertumbuhan ekonomi Malaysia. Lima industri HGHV yang dikenal pasti sebagai sebahagian daripada **Anjakan Besar dalam Kajian Separuh Penggal RMKe-12** adalah seperti berikut:

- i) tenaga;
- ii) teknologi dan pendigitalan;
- iii) elektrik dan elektronik (E&E);
- iv) pertanian dan asas tani; dan
- v) nadir bumi bukan radioaktif.

Dalam hal ini, Pihak Berkuasa Koridor (PBK) akan memainkan peranan penting dengan memberi tumpuan kepada industri HGHV di wilayah ekonomi masing-masing supaya dapat menghasilkan produktiviti yang lebih tinggi, kemajuan teknologi yang pesat dan kepelbagaian ekonomi yang lebih luas. Dengan memanfaatkan kekuatan, keunikan dan ketersediaan sumber di setiap wilayah, PBK akan membangunkan ekosistem yang kompetitif bagi menarik pelaburan berkualiti dengan menggalakkan lebih banyak aktiviti penyelidikan, pembangunan, pengkomersialan dan inovasi (R&D&C&I) termaju.

Pelaksanaan projek berimpak tinggi berasaskan industri HGHV juga antara lain akan dapat melonjakkan pertumbuhan ekonomi di wilayah tersebut seperti berikut:

- (i) Pembangunan Kawasan Perindustrian Lembah Chuping serta Taman Sains dan Teknologi Kedah di Wilayah Ekonomi Koridor Utara;
- (ii) Pembangunan Ladang Air Manis dan Pembangunan Pusat Data di Sedenak di Iskandar Malaysia;
- (iii) Taman Biopolimer Kertih dan MCKIP di Wilayah Ekonomi Pantai Timur;
- (iv) Taman Perindustrian Samalaju di Koridor Tenaga Diperbaharui Sarawak; dan
- (v) Taman Industri POIC di Koridor Pembangunan Sabah.

Koridor akan bekerjasama dengan pihak Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) bagi menarik minat lebih ramai pelabur menceburi bidang HGHV.

Pelaksanaan reformasi melalui Anjakan Besar ini dijangka menyokong sasaran pertumbuhan dalam semua sektor di setiap wilayah koridor ekonomi. Penumpuan kepada HGHV membolehkan potensi ekonomi wilayah akan terus diperkukuh dalam bidang khusus dengan menggalakkan penerimgunaan teknologi termaju terutama dalam aktiviti hulu dan hiliran. Industri ini menghasilkan nilai yang tinggi dalam ekonomi dengan mendorong perniagaan ke arah aktiviti ekonomi yang canggih dengan memberi tumpuan kepada penghasilan produk dan perkhidmatan yang unik dan boleh diguna secara meluas.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK DR. DOMINIC LAU HOE CHAI
TARIKH : 4 DISEMBER 2023

DATUK DR. DOMINIC LAU HOE CHAI minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan apakah usaha yang dilakukan oleh Kementerian bagi meningkatkan pengeluaran makanan dalam negara dan juga kadar simpanan stok (*stockpile*) selaras dengan strategi utama Dasar Sekuriti Makanan Negara 2021-2025.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) komited untuk memastikan tahap keterjaminan makanan sentiasa stabil dan mencukupi menerusi peningkatan pengeluaran makanan dalam negara dan kadar simpanan stok (stokpail) selaras dengan strategi utama dalam Dasar Agromakanan Negara 2021-2030 (DAN 2.0) dan Pelan Tindakan Dasar Sekuriti Makanan Negara 2021-2025 (PT DSMN 2021-2025). Antara usaha-usaha yang dilaksanakan adalah seperti berikut:

- (i) melaksanakan **Program SMART Sawah Berskala Besar (SMART SBB)** menerusi Model Mini Sekinchan dan melaksanakan projek rintis penanaman padi lima (5) musim dalam tempoh dua (2) tahun di Kedah dan Perak;
- (ii) memperkasa penternakan lembu pedaging melalui **Program Pembiakbakaan** untuk mencapai Kadar Sara Diri (SSR) sebanyak 50% pada 2030;
- (iii) melaksanakan **Program Pembangunan Industri Tensu Negara** bagi meningkatkan pengeluaran susu segar tempatan bagi mencapai Kadar Sara Diri (SSR) sebanyak 100% pada 2030;
- (iv) memperkasa pengeluaran ikan makanan melalui industri akuakultur yang menyasarkan pengeluaran akuakultur berbanding perikanan tangkapan pada nisbah 60:40;

- (v) memperkasa industri benih tempatan melalui pewujudan hub benih dan baka bagi mengurangkan kebergantungan negara kepada import input pertanian; dan
- (vi) mempergiatkan aktiviti penyelidikan, pembangunan, pengkomersialan dan inovasi (R&D&C&I).

Selain itu, Kerajaan turut melaksanakan stok penimbal (stokpail) bekalan makanan terpilih seperti berikut:

- (i) status semasa **stok beras negara** sehingga 28 November 2023 adalah sebanyak 917,942 tan metrik yang terdiri daripada 250,000 tan metrik stokpail Kerajaan dan 667,942 tan metrik stok dagangan. Jumlah ini adalah mencukupi untuk menampung keperluan beras negara bagi tempoh empat (4) hingga lima (5) bulan;
- (ii) mewujudkan **stokpail ayam** sebanyak 4,536 tan metrik untuk menstabilkan bekalan ayam di pasaran oleh Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP); dan
- (iii) menyediakan **stokpail ikan** sebanyak 1,000 tan metrik untuk menstabilkan bekalan ikan semasa musim tengkujuh dan perayaan oleh Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM).

Kementerian yakin menerusi pelbagai usaha dan inisiatif yang dilaksanakan dalam merencanakan aktiviti pengeluaran makanan dalam negara serta pelaksanaan stok simpanan bekalan makanan mampu memastikan aspek keterjaminan makanan negara kekal kukuh dan stabil.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DR. LINGESHWARAN A/L DATO'
SERI R. ARUNASALAM
TARIKH : 4 DISEMBER 2023

DR. LINGESHWARAN A/L DATO' SERI R. ARUNASALAM minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan sama ada Kerajaan mempunyai hasrat untuk menubuhkan TASKA yang beroperasi selama 24 jam untuk penjawat awam kerana terdapat banyak perkhidmatan penting yang beroperasi selama 24 jam seperti perkhidmatan kesihatan, polis, imigresen, bomba dan sebagainya.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) sentiasa menyokong agar pihak majikan, sama ada agensi kerajaan atau swasta untuk menyediakan Taman Asuhan Kanak-Kanak (TASKA) bagi memberi sokongan kepada ibu bapa agar dapat bekerja dengan lebih komited termasuk yang menyediakan perkhidmatan secara 24 jam mengikut keperluan agensi masing-masing.

Selain daripada itu, KPWKM turut menggalakkan ibu bapa mengamalkan toleransi dan kerjasama dalam mengatur jadual bertugas agar dapat bergilir-gilir menjaga anak kerana ibu bapa akan lebih mesra, lebih mengenali dan melakukan pelbagai aktiviti bersama anak-anak. Ini secara tidak langsung dapat memupuk ikatan kekeluargaan (*family bonding*) yang penting dalam proses perkembangan kanak-kanak dan tidak terlepas waktu membesar mereka.

Pada masa yang sama, KPWKM sentiasa memberi kerjasama kepada mana-mana pihak majikan untuk membuka TASKA yang beroperasi 24 jam bagi memenuhi kehendak dan permintaan kakitangan masing-masing bagi meningkatkan produktiviti perkhidmatan mereka.

Sehingga September 2023, terdapat 261 buah TASKA Tempat Kerja iaitu 223 buah disediakan oleh majikan di sektor awam dan 38 buah disediakan oleh majikan di sektor swasta yang berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM). Daripada jumlah itu, sebanyak empat (4) TASKA Tempat Kerja yang beroperasi 24 jam. Antaranya adalah TASKA

NO SOALAN: 34

Cemerlang Gemilang di Hospital Tuanku Fauziah, Perlis dan TASKA Pintar di Hospital Seberang Jaya, Pulau Pinang.

Di samping itu, bagi memenuhi permintaan yang tinggi daripada ibu bapa yang berkerja secara syif, sebanyak tujuh (7) buah TASKA di bawah kategori TASKA Institusi juga beroperasi secara 24 jam, antaranya seperti TASKA Nurul Kasih di Perak dan TASKA Annur Yaqin di Melaka.

KPWKM dan JKM sentiasa bersedia untuk membantu dalam memberi advokasi dan konsultasi berkaitan penubuhan TASKA Tempat Kerja kepada semua pihak bagi memastikan pengoperasian TASKA adalah memenuhi standard minimum yang ditetapkan, termasuklah khidmat nasihat untuk beroperasi 24 jam bagi memenuhi kehendak masyarakat setempat.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA
ANIFAH BIN AMAN
TARIKH : 4 DISEMBER 2023

TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA ANIFAH BIN AMAN minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah program dan berapa peruntukan yang diberikan bagi menaik taraf sistem pengangkutan awam di bandar-bandar utama di Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian melalui Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) Sabah iaitu agensi yang bertanggungjawab bagi melesenkan pengangkutan awam di Negeri Sabah termasuk Wilayah Persekutuan Labuan sedang dalam proses memperkemaskan pengurusan pengangkutan awam.

2. Untuk makluman Yang Berhormat, senario pengangkutan awam di Negeri Sabah agak unik di mana kebanyakan lesen pengangkutan awam terutamanya bas berhenti-henti di bandar-bandar utama adalah milikan individu. Hal ini menyebabkan pengoperasian pengangkutan awam di Sabah lebih mencabar dan kekerapan perkhidmatan juga sukar dijangka. Senario industri pengangkutan awam di Sabah ini adalah amat berbeza daripada industri pengangkutan awam di lain-lain tempat dalam negara.

3. Bagi mencapai objektif Dasar Pengangkutan Negara melalui Teras 3, iaitu supaya pengguna mendapat maklumat masa sebenar pergerakan pengangkutan awam, LPKP Sabah telah memperkenalkan penggunaan sistem penentududukan sejagat (GPS) bersekali dengan sistem kutipan tambang secara elektronik kepada Bas Berhenti-henti dan Bas Mini, yang mana akan mula dikuatkuasa mulai 1 April 2024. Dengan sistem ini, LPKP Sabah dapat memantau prestasi pengusaha mengikut jadual yang telah ditetapkan. LPKP Sabah akan mengambil tindakan sekiranya mereka gagal untuk memberi perkhidmatan seperti yang ditetapkan.

4. Selain itu, LPKP Sabah telah mula menerapkan konsep *evidence-based planning* dalam perancangan serta pembangunan sektor pengangkutan bagi memenuhi keperluan pasaran selaras Strategi 1.4, Dasar Pengangkutan Negara. Dalam hal ini, LPKP Sabah telah mewajibkan para pengusaha pengangkutan awam jenis bas untuk menyerahkan statistik penumpang (*ridership*) bagi membolehkan agensi mengenal pasti laluan yang mempunyai permintaan tinggi tersedia perkhidmatan.

5. Melalui penambahbaikan seperti penggunaan GPS dan sistem kutipan tambang menggunakan mesin tiket elektornik ini, ia juga akan dapat memudahkan lagi penyaluran subsidi Program Dana Bantuan Sementara Bas Henti-henti (ISBSF) kepada pengusaha bas. Program ISBSF ini adalah bertujuan untuk memberi bantuan kepada pengendali dengan menampung kerugian yang dialami oleh pengendali bas berhenti-henti supaya perkhidmatan mereka dapat diteruskan untuk kepentingan rakyat.

6. Selain itu, kerajaan sedang menyusun semula pengangkutan awam bas dengan memperkenalkan bas yang lebih selesa dan sistematik melalui program Transformasi Bas Berhenti-henti (SBST) di Kota Kinabalu. Peruntukan bagi SBST Kota Kinabalu adalah sebanyak RM17.6 juta setahun. Melalui program ini, sistem pengangkutan awam bas yang berjadual dan lebih teratur akan tersedia kepada rakyat.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN HAJI ABDUL NASIR BIN HAJI
IDRIS
TARIKH : 4 DISEMBER 2023

TUAN HAJI ABDUL NASIR BIN HAJI IDRIS minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan supaya tidak berlaku kenaikan harga ayam mentah apabila subsidi ayam ditarik balik.

JAWAPAN

Yang Di-Pertua,

Untuk memastikan bekalan ayam dan telur kekal stabil di pasaran dan mudah diakses oleh rakyat, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) melaksanakan langkah intervensi berikut:

- (i) melaksanakan sesi libat urus dengan pihak industri ayam bagi memantau status bekalan di peringkat ladang adalah mencukupi;
- (ii) meningkatkan pemantauan wabak penyakit di peringkat ladang serta langkah pencegahan dan kawalan penyakit;
- (iii) meneruskan pemansuhan Approved Permit (AP) bagi ayam bulat dan keratan mulai 18 Mei 2022; dan
- (iv) melaksanakan Jualan AgroMadani dan di premis-premis jualan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) dan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM)

KPKM turut mengariskan langkah jangka sederhana dan panjang seperti berikut:

- (a) Jangka sederhana:
 - (i) menjalinkan kerjasama dengan syarikat swasta, syarikat berkaitan Kerajaan (GLC), koperasi dan sebagainya yang

berminat melabur dalam pembangunan industri jagung bijian yang merupakan sumber bahan utama mentah bagi industri penternakan ayam; dan

- (ii) mewujudkan ladang kontrak dengan usahawan-usahawan jagung bijian dan syarikat-syarikat pemprosesan jagung bijian.

(b) Jangka panjang:

- (i) bantuan modal pusingan kepada penternak kecil berkapasiti 5,000 ekor melalui Skim Pinjaman Mikro Kredit;
- (ii) bantuan modal pembinaan transformasi reban ayam terbuka kepada reban ayam tertutup kepada penternak;
- (iii) menjalankan kajian bagi menghasilkan bahan mentah gantian dari sumber tempatan berasaskan isirung sawit seperti PKC/PKE; dan
- (iv) menawarkan pinjaman mudah melalui Agrobank sebanyak RM300 juta kepada penternak ayam melalui Dana Pembiayaan Agromakanan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK RAZALI BIN IDRIS
TARIKH : 4 DISEMBER 2023

DATUK RAZALI BIN IDRIS minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh manakah kebenaran Malaysia sebagai ibu pejabat scammer berdasarkan laporan Kementerian Kewangan mengenai kerugian akibat penipuan dalam talian dari 2019 hingga Mei 2023 yang berjumlah RM2.6 bilion.

JAWAPAN

**YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman ahli Yang Berhormat, jenayah penipuan dalam talian atau lebih dikenali sebagai *online scam* merupakan satu jenayah yang semakin membimbangkan dan ianya sukar dikawal. Jenayah penipuan yang juga jenayah tanpa sempadan boleh dilakukan di seluruh pelusuk dunia dengan menyasarkan mangsa-mangsa dari pelbagai negara yang berasingan.

2. Penipuan dalam talian bukan hanya merupakan masalah di Malaysia malah juga masalah bagi negara-negara lain. Sebagai contoh :

a. Singapura telah mencatatkan kerugian sebanyak 660.7 million dolar Singapura (RM 2.3 billion) untuk tahun 2022 dengan jumlah kes yang dilaporkan adalah sebanyak 31,728 kes.

(sumber: *The Straits Times - Singapore* (9 Februari 2023))

b. Australia mencatatkan kerugian sebanyak 3 billion dolar Australia (RM 9.3 billion) pada tahun 2022 dengan peningkatan sebanyak 1 billion dolar Australia dari tahun sebelumnya.

(sumber: *Australian Competition & Consumer Commission (ACCC)* (17 April 2023))

3. Ini jelas menerangkan mengenai tanggapan bahawa Malaysia sebagai ibu pejabat *scammer* adalah tidak benar kerana negara-negara lain turut mengalami masalah yang sama.

4. Jenayah penipuan dalam talian perlu dilihat sebagai satu ancaman masa hadapan yang serius dan perlu ditangani secara holistik melibatkan semua agensi kerajaan dan swasta. Kerajaan melalui Polis di Raja Malaysia (PDRM) sentiasa menggiatkan pelbagai usaha dalam memerangi jenayah penipuan dalam talian. Dalam hal ini, antara inisiatif PDRM adalah seperti yang berikut:-

- a. Menyediakan perkhidmatan portal SEMAKMULE bagi membolehkan masyarakat membuat semakan no. Akaun bank dan no. telefon yang terlibat dengan siasatan pihak polis. Selain itu, Jabatan Siasatan Jenayah Komersil (JSJK) turut menyediakan perkhidmatan CCID Infoline (013-2111222) untuk masyarakat menyalurkan maklumat berkaitan penipuan dan jenayah komersil. JSJK juga telah mewujudkan platform media sosial (*Facebook, Instagram dan TikTok*) JSJK PDRM serta *Cyber Crime Alert* untuk menyampaikan maklumat dan info semasa mengenai *scam*.
- b. Menjalankan usahasama dengan agensi swasta dari sudut mengenalpasti nombor-nombor telefon yang telah disenarai sebagai *scammer* oleh pihak penguatkuasa.

NO SOALAN: 37

- c. Melaksanakan kempen-kempen kesedaran masyarakat secara berterusan dan pelbagai. PDRM melalui JSJK turut bekerjasama dengan syarikat filem bagi menyampaikan mesej mengenai jenayah penipuan melalui filem *anti-scam*.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DR. WAN MARTINA BINTI WAN
YUSOFF
TARIKH : 4 DISEMBER 2023

DR. WAN MARTINA BINTI WAN YUSOFF minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang agar peruntukan kepada negeri-negeri yang ketinggalan dalam pembangunan diberikan hak sama rata sebagaimana negeri-negeri membangun yang lain.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, usaha merapatkan jurang pembangunan antara wilayah dan negeri adalah usaha berterusan yang sentiasa menjadi keutamaan Kerajaan. Oleh itu, Kerajaan melalui Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kedua Belas (KSP RMKe-12) akan terus memberi tumpuan kepada usaha untuk meningkatkan keseimbangan dan keterangkuman wilayah dalam memastikan pengagihan faedah sosioekonomi yang lebih meluas kepada semua rakyat di pelbagai peringkat lapisan masyarakat dan kedudukan geografi.

Dalam hubungan ini, Kerajaan terus komited untuk memberi keutamaan pengagihan peruntukan pembangunan (DE) asas kepada negeri-negeri kurang membangun seperti mana yang digariskan dalam KSP RMKe-12. Dalam hubungan ini, enam (6) negeri kurang membangun telah menerima peruntukan pembangunan berjumlah RM65.51 bilion iaitu 50% daripada RM130.15 bilion jumlah peruntukan pembangunan bagi semua negeri sepanjang tempoh *Rolling Plan* 1 (RP1) Tahun 2021 sehingga *Rolling Plan* 4 (RP4) Tahun 2024, RMKe-12. Bagi negeri Terengganu khususnya, peruntukan pembangunan yang diluluskan adalah sebanyak RM5.8 bilion melibatkan pelaksanaan sejumlah 391 projek di bawah pelbagai kementerian dalam tempoh tersebut.

Antara projek utama yang sedang dilaksanakan di negeri-negeri Pantai Timur adalah:

- i) Projek Menaik Taraf Jambatan Merentasi Sg. Marang Di Laluan FT003 Jalan Kuala Terengganu - Kuantan, Marang, Terengganu, (kos projek RM398 juta);
- ii) Pembinaan Bangunan Baru Pusat Pakar Pergigian (*Non-Hospital Based*) Terengganu, (kos projek RM34.2 juta);
- iii) Projek Pembinaan Stadium Bukit Merbau, Kompleks Sukan Bukit Merbau, Pasir Puteh, Kelantan, (kos projek RM180 juta);
- iv) Projek Pembangunan di Pihak Berkuasa Tempatan Kelantan, kos projek RM150 juta);
- v) Program Perumahan Rakyat (PPR) Bera, Pahang, (kos projek RM234 juta); dan
- vi) Projek Balai Bomba dan Penyelamat Sungai Lembing, Pahang, (kos projek RM6,005,000).

Peruntukan pembangunan yang lebih tinggi berbanding negeri-negeri lain ini terutamanya untuk pembangunan infrastruktur dan kemudahan asas akan meningkatkan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) negeri-negeri terbabit melalui komponen perbelanjaan Kerajaan dan seterusnya menggalakkan aktiviti ekonomi pihak swasta di negeri-negeri yang kurang membangun dalam usaha untuk merapatkan jurang pembangunan ini.

Kerajaan juga terus komited untuk memacu pertumbuhan ekonomi di Koridor Ekonomi Wilayah melalui pembangunan inklusif dan mampan. Justeru, Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM324.57 juta perbelanjaan pembangunan pada tahun 2024 bagi Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER). Ia adalah bagi membiayai program/projek pembinaan infrastruktur melibatkan negeri-negeri di wilayah ECER seperti Kelantan, Terengganu, Pahang dan Daerah Mersing, Johor.

Beberapa projek yang dibangunkan di wilayah ECER dalam tempoh RMKe-12 adalah seperti berikut:

- i) Pembangunan Jambatan Palekbang-Kota Bharu Kelantan;
- ii) Pembangunan Taman Biopolimer Kertih, Terengganu;
- iii) Projek Eko-pelancongan di Endau-Rompin, Pahang; dan
- iv) Projek Lembah Tenusu Jemaluang, Mersing.

Dalam tempoh RMKe-12, Majlis Pembangunan Ekonomi Pantai Timur (ECERDC) telah mencatatkan jumlah pelaburan komited sebanyak RM28.8 bilion dengan jumlah pelaburan direalisasikan sebanyak RM5.6 bilion. Pada tahun 2021 dan 2022, ECERDC berjaya mewujudkan sebanyak 27,413 peluang pekerjaan dan 6,238 peluang keusahawanan di ECER.

Bagi pembangunan kawasan luar bandar di negeri-negeri Pantai Timur, sebanyak 182 projek dengan kos projek berjumlah RM6.73 bilion diluluskan di bawah RP4 Tahun 2024. Peruntukan ini adalah bagi melaksanakan program/projek seperti Jalan Luar Bandar (JALB), Bekalan Air Luar Bandar (BALB), Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB) dan Jalan Perhubungan Desa melalui Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah.

Namun begitu, hal ini tidak seharusnya menidakkan potensi negeri-negeri lain yang lebih maju untuk mendapatkan peruntukan pembangunan bagi meraih faedah daripada peluang yang ada. Dalam hubungan ini, Kerajaan perlu mengoptimumkan perbelanjaan dengan mengenal pasti keutamaan pembangunan dengan memanfaatkan kekuatan, keunikan dan ketersediaan sumber di setiap wilayah dan negeri. Dalam masa yang sama, usaha dalam menggalakkan

penggunaan teknologi termaju dalam aktiviti hulu dan hiliran akan diteruskan. Manakala projek-projek berimpak tinggi di wilayah pembangunan koridor akan dipergiatkan dan pakej insentif bagi menarik pelaburan khususnya di kawasan kurang membangun akan ditambah baik.

Usaha-usaha ini bukan sahaja akan dapat meningkatkan peluang pekerjaan dengan pendapatan yang lebih tinggi, tetapi juga membuka peluang keusahawanan dan seterusnya mengurangkan jurang pendapatan antara wilayah khususnya bagi negeri-negeri kurang membangun. Oleh yang demikian, kerjasama erat dengan kerajaan-kerajaan negeri adalah amat diperlukan dalam memastikan projek-projek Kerajaan Persekutuan yang telah diluluskan dapat dilaksanakan dengan lancar dan berkesan di peringkat negeri untuk kepentingan rakyat.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN MANOLAN BIN MOHAMAD
TARIKH : 4 DISEMBER 2023

TUAN MANOLAN BIN MOHAMAD minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah status Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Hak Tanah Orang Asal / Asli (JKKHTOA) yang dipersetujui Jemaah Menteri pada 03 hb Jun 2015 iaitu hasil daripada Laporan SUHAKAM.

JAWAPAN

**YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Hak Tanah Orang Asal/ Asli (JKKHTOA) yang dipengerusikan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah telah bersetuju supaya satu kajian untuk dilaksanakan berhubung tanah pegangan adat Orang Asli di Semenanjung Malaysia yang merangkumi penentuan definisi tanah pegangan adat Orang Asli dan menjurus kepada keperluan penggubalan satu undang-undang spesifik mengenainya. Kerajaan Perpaduan sedang meneliti semula perkara ini dan akan diangkat untuk pertimbangan Jemaah Menteri dalam masa terdekat.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATIN HAJAH ROS SURYATI BINTI
ALANG
TARIKH : 4 DISEMBER 2023

DATIN HAJAH ROS SURYATI BINTI ALANG minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan pelan dan kos yang terlibat untuk penggantian kereta Kerajaan kepada kenderaan elektrik dan proses perolehan yang akan dilaksanakan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan pada masa kini sedang meneliti penggantian kereta Kerajaan kepada kenderaan elektrik (EV) sebagaimana yang telah diumumkan dalam Belanjawan 2024. Perkara ini akan diperhalusi bersama-sama Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI) bagi menilai kebolehlaksanaan dan mendapatkan pandangan sebenar tahap keberkesanan dan *viability* EV sebagai kereta Kerajaan.

Penggantian kenderaan Kerajaan kepada kenderaan EV akan dibuat secara berperingkat-peringkat berdasarkan dapatan daripada perbincangan tersebut. Dalam hal ini, penggantian kenderaan Kerajaan tertakluk kepada kedudukan kewangan negara bagi menampung perbelanjaan perolehan kenderaan EV dan kesediaan stesen pengecasan EV yang mencukupi yang dibangunkan oleh syarikat terpilih.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' AHMAD BIN DATO' SRI HJ.
IBRAHIM
TARIKH : 4 DISEMBER 2023

DATO' AHMAD BIN DATO' SRI HJ. IBRAHIM minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan :-

- (a) apakah langkah-langkah yang diambil Kementerian dalam menangani masalah manipulasi harga oleh semua kedai makan dan medan selera memandangkan kebanyakan penjual makanan nasi campur tidak mempunyai tanda harga; dan
- (b) adakah Kementerian bercadang untuk mewujudkan kempen Op Menu supaya tiada diskriminasi dan manipulasi harga terhadap rakyat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kementerian sentiasa memantau dan berusaha mengambil tindakan - tindakan tegas ke atas peniaga yang cuba memanipulasi harga atau melakukan pengambilan untung yang tidak munasabah melalui:
- i. Penguatkuasaan Peraturan – Peraturan Kawalan Harga dan Antipencatutan (Mekanisme Untuk Menentukan Keuntungan Tinggi Yang Tidak Munasabah) 2018 di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 di mana penguatkuasaan peraturan pencatutan ini adalah terpakai kepada semua barangan dan perkhidmatan termasuk pada makanan bermasak yang menjual nasi campur; dan
 - ii. Penjual makanan nasi campur juga tidak terkecuali dalam penguatkuasaan undang-undang jika gagal mempamerkan tanda harga, kesalahan adalah di bawah Perenggan 2(1) Perintah Kawalan Harga dan Antipencatutan (Penandaan Harga Bagi Barangan dan Caj Bagi Perkhidmatan) 2020.
- (b) Kementerian juga telah melaksanakan pemeriksaan ke atas peniaga makanan sedia masak di seluruh negara di bawah operasi OPS MENU sejak tahun 2022. Objektif program ini adalah untuk memastikan peniaga restoran dan kedai makan menggunakan penandaan harga yang jelas dan tidak mengelirukan pengguna. Berdasarkan statistik oleh KPDM bagi OPS MENU 2023 pada

NO SOALAN: 42

24 Januari sehingga 15 November 2023, anggota penguat kuasa KPDN telah menjalankan pemeriksaan ke atas 14,336 premis peniaga restoran makanan sedia masak dan sebanyak 92 tindakan kes telah dihasilkan dengan nilai kompaun berjumlah RM25,300 bagi kesalahan tidak mempamerkan tanda harga. Hanya 40 aduan kumulatif oleh pengguna diterima sejak Januari 2023. Kementerian akan terus memperkasakan pemeriksaan di premis-premis makanan termasuk di medan selera bagi membantu pengguna mendapatkan maklumat harga makanan yang lebih baik.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' DR. AHMAD AZAM BIN
HAMZAH
TARIKH : 4 DISEMBER 2023

DATO' DR. AHMAD AZAM BIN HAMZAH minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN DIGITAL** menyatakan statistik mengenai kesan negatif penggunaan media sosial seperti ketagihan, kecanduan, kemurungan atau penggunaan berlebihan dalam kalangan remaja di Malaysia dan apakah usaha Kerajaan bagi membendung keadaan ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Komunikasi dan Digital (KKD) menerusi jabatan dan agensi di bawahnya komited melaksanakan perkongsian maklumat dalam memberi kesedaran dan pendidikan kepada masyarakat terutama remaja agar sentiasa bertanggungjawab dan berhemah apabila menggunakan media sosial. Antara langkah dan usaha yang telah dilaksanakan ialah:

- (i) Latihan kemahiran kepada golongan pelindung remaja secara amnya iaitu orang muda, ibu bapa dan penjaga, pendidik dan orang dewasa oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) melalui dua inisiatif di peringkat kebangsaan iaitu Klik Dengan Bijak (KDB) dan Sukarelawan ICT Malaysia [MIV (*Malaysia ICT Volunteer*)]. Melalui program MIV bersama sekolah, MCMC memberi makluman dan pendedahan kepada guru-guru Sukarelawan MIV berkaitan perlindungan kanak-kanak dalam talian bagi membolehkan mereka berkongsi dengan para pelajar supaya cakna tentang keselamatan apabila menggunakan internet dan aplikasi media sosial. Ini membolehkan para pelajar lebih berwaspada apabila berada dalam talian dan menjauhkan mereka daripada sebarang eksploitasi;
- (ii) Kolaborasi MCMC dengan agensi-agensi yang berkaitan dalam membangunkan beberapa modul pendidikan dan latihan yang melibatkan topik perlindungan remaja dalam talian oleh agensi-agensi tersebut seperti Modul Pendidikan Keselamatan

Keluarga dan Anak (PEKA) dan Modul Smart Start 2.0 Pra-Perkahwinan bersama Lembaga Pembangunan Penduduk dan Keluarga Negara (LPPKN) serta Program Ekspresi Anak Remaja Lestari (PEARL) bersama Kementerian Kesihatan Malaysia. Kolaborasi juga dijalankan bersama pertubuhan bukan kerajaan seperti Pertubuhan Pengakap Malaysia, institusi pengajian tinggi, dan pihak industri.

Bagi mengupayakan golongan ibu bapa mahupun penjaga dalam mengawal selia penggunaan kemudahan komunikasi oleh anak-anak mereka, MCMC telah bekerjasama dengan lima penyedia perkhidmatan di Malaysia iaitu CelcomDigi, UMobile, Maxis, Telekom Malaysia (TM) dan TIME dalam menyediakan kemudahan yang dikenali sebagai *Parental Control Tools*;

- (iii) Program ceramah kesedaran keselamatan siber oleh CyberSecurity Malaysia (CSM) yang santai namun memberi banyak pendedahan dari segi modus operandi jenayah siber, ancaman siber semasa serta tips amalan terbaik yang boleh diamalkan oleh remaja dalam mempersiapkan diri mereka dalam mendepani ancaman siber semasa. Bermula dari Januari hingga Oktober 2023, CSM telah melaksanakan 85 program CyberSAFE™ *Awareness Talk* (CSAT) dan seramai lebih 39,840 orang peserta telah menghadiri program ini termasuk remaja; dan

NO SOALAN: 43

- (iv) Persidangan bersama pakar-pakar, pengamal, penyelidik, dan penggubal polisi melalui program-program berkaitan perlindungan remaja dalam talian bagi membincangkan dapatan kajian, senario, serta amalan-amalan baik terkini. MCMC telah bekerjasama dengan UNICEF (Tabung Kanak-Kanak Bangsa-Bangsa Bersatu) dalam menganjurkan seminar perlindungan kanak-kanak dan remaja dalam talian untuk ahli akademik, pengamal media dan pihak yang berkepentingan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' SIVARAJ A/L CHANDRAN
TARIKH : 4 DISEMBER 2023

DATO' SIVARAJ A/L CHANDRAN minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah pelan strategik pihak Kementerian untuk membangunkan eSport di Malaysia terutamanya dengan mengambil kira kedudukan sukan ini sebagai antara yang memberi pelbagai manfaat kepada para penggiat industri digital dan kejayaan pasukan Malaysia yang berjaya memenangi pingat perak dalam acara tersebut di dalam Sukan SEA Phnom Penh, Kemboja 2023 baru-baru ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pada tahun 2019, Kementerian Belia dan Sukan (KBS) telah membangunkan Pelan Strategik Pembangunan Sukan Elektronik 2020-2025 yang menggariskan 24 objektif strategik. Sebagai sokongan kepada pelan tersebut, KBS pada 19 Jun 2023 yang lalu telah melancarkan Garis Panduan Pembangunan Sukan Elektronik Kebangsaan (NESDEG) dengan enam teras utamanya iaitu :

Teras 1 : Pengurusan Kontrak kepada Pemain

Teras 2 : Tadbir Urus dalam Penganjuran Acara

Teras 3 : Pemantauan dan Perlindungan Kepada Kanak-kanak

Teras 4 : Kod Tatakelakuan dan Etika

Teras 5 : Laluan Kerjaya

Teras 6 : Aplikasi Sains dan Perubatan Sukan dalam Sukan Elektronik

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KBS telah membangunkan Esports Integrated Hub (ESI Hub) di Puchong, Selangor yang berfungsi untuk menyokong pertumbuhan ekosistem e-sukan di Malaysia melalui penyediaan ruang kejohanan dan acara, pusat latihan untuk pemain profesional dan amatur, sebuah hab jaringan untuk pihak berkepentingan industri dan sebagai hab utama untuk pelbagai program profesional dan pembangunan kapasiti. Semua perkara yang dilaksanakan ini merupakan sebahagian daripada rangka kerja inklusif dan mapan untuk perkembangan industri e-sukan Malaysia.

KBS telah membangun dan menaik taraf 13 Esports Studio yang memberi manfaat kepada 13 persatuan e-sukan negeri di seluruh negara. Penyediaan infrastruktur khusus di setiap negeri ini mampu membantu meningkatkan perkembangan e-sukan negara melalui penganjuran kejohanan e-sukan di peringkat tempatan dan sebagai studio produksi untuk penganjuran kejohanan dalam talian. Esports studio di negeri-negeri ini juga menjadi pusat latihan bagi atlet e-sukan negeri yang menyertai temasya Sukan Malaysia (SUKMA) yang lalu.

Di samping itu, bagi memastikan persiapan atlet e-sukan negara untuk bertanding di kejohanan antarabangsa berjalan lancar, KBS telah membangunkan sebuah pusat latihan kebangsaan di Majlis Sukan Negara, Bukit Jalil.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, KBS pada masa ini dalam fasa membuat semakan separuh penggal terhadap Pelan Strategik Pembangunan Sukan Elektronik 2020-2025 untuk menilai perancangan yang dibuat khususnya kesesuaian dengan situasi pasca COVID-19.

Bagi Garis Panduan Pembangunan Sukan Elektronik Kebangsaan (NESDEG), pihak Kementerian akan lebih agresif dalam memberikan advokasi kepada semua pemegang taruh *esports* khususnya belia bersekolah dan belia pengajian tinggi agar persekitaran *esports* lebih selamat, yang turut selari dengan Kod Sukan Selamat yang dilancarkan KBS pada tahun ini.

NO SOALAN: 44

Dalam usaha meletakkan Malaysia sebagai hub utama *esports* di peringkat serantau, pihak KBS akan mempertingkatkan lagi kerjasama dengan pemegang taruh industri dalam membawa kejohanan antarabangsa ke Malaysia.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' (DR.) ARMAN AZHA BIN ABU HANIFAH
TARIKH : 4 DISEMBER 2023

DATO' (DR.) ARMAN AZHA BIN ABU HANIFAH minta **MENTERI PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah usaha dan perancangan jangka panjang Kerajaan dalam mengawal harga rumah yang kelihatan tidak selari dengan purata pendapatan rakyat pada masa sekarang ekoran kenaikan kos sara hidup, Kadar Dasar Semalaman (OPR) yang tidak menentu dan kadar percukaian yang lain.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat, sebagai usaha bagi memastikan harga rumah terkawal, Kerajaan telah melaksanakan beberapa tindakan seperti berikut:

- (i) penyusunan Indeks Rumah Mampu Milik (RMM) berdasarkan pendapatan median mengikut negeri dan daerah yang diperolehi daripada tinjauan Laporan Survei Pendapatan Isi Rumah dan Kemudahan Asas 2022. Kaedah ini mengambil kira median pendapatan rakyat mengikut lokaliti berdasarkan kaedah gandaan median (*median multiple*). Pemetaan ini dilaksanakan sebagai panduan kepada pemaju serta agensi penyedia perumahan bagi menetapkan harga jualan rumah di satu-satu lokaliti;
- (ii) menggalakkan pemaju untuk melaksanakan Kajian Kebolehlaksanaan atau *Feasibility Study* sebelum sesuatu pemajuan dilaksanakan bagi memastikan rumah yang dibina adalah berdasarkan kemampuan rakyat seterusnya mengelakkan rumah tersebut tidak terjual; dan
- (i) memperkenalkan Inisiatif Skim Simen Rahmah untuk pemajuan rumah mampu milik dengan kerjasama Persatuan Simen dan Konkrit Malaysia (C&CA) dan pemaju perumahan swasta. Inisiatif ini melibatkan harga rumah dalam kategori Rumah Mampu Milik (RMM) iaitu yang berharga RM300,000.00

dan ke bawah untuk kumpulan sasaran B40 dan M40. Daripada inisiatif ini, rakyat akan memperolehi manfaat pengurangan harga rumah maksimum sehingga RM5,000 mengikut jenis dan harga rumah.

Selain itu, Kerajaan MADANI sentiasa komited membela nasib rakyat dan telah menyediakan beberapa inisiatif di bawah aspek pembiayaan bagi meningkatkan pemilikan rumah di seluruh negara iaitu:

- (i) melaksanakan inisiatif i-Biaya dengan menyediakan jaminan pembiayaan melalui Skim Jaminan Kredit Perumahan (SJKP) sehingga RM5 bilion nilai pinjaman yang akan memberikan manfaat kepada lebih 20,000 peminjam khususnya pembeli rumah pertama. Kerajaan seterusnya pada 27 Julai 2023 telah menambah baik inisiatif pembiayaan bagi memastikan kesediaan perumahan mampu milik bagi semua Rakyat Malaysia dengan tambahan jaminan pembiayaan di bawah SJKP sehingga RM5 bilion. Berdasarkan pengumuman Ekonomi MADANI baru-baru ini, jumlah keseluruhan jaminan yang telah diberi oleh Kerajaan telah meningkat kepada RM10 bilion sepanjang tempoh pelaksanaan SJKP ini. Daripada pelaksanaan SJKP mulai 2008 sehingga 30 September 2023, sebanyak 30,841 permohonan pinjaman bernilai RM5.85 bilion telah diluluskan;
- (ii) menambah baik inisiatif pembiayaan di bawah SJKP bagi memastikan kesediaan RMM bagi semua rakyat Malaysia dengan meningkatkan pembiayaan sehingga 120% bagi

harga rumah RM300,000 ke bawah termasuk insurans, deposit, kelengkapan perabot dan pengubahsuaian; dan

- (iii) mewartakan Inisiatif Pemilikan Kediaman Malaysia (i-Miliki) pada 9 Jun 2023 bagi memberikan pengecualian atau peremitan duti setem ke atas surat cara pindah milik dan perjanjian pinjaman bagi harga rumah sehingga RM1 juta untuk pembeli rumah pertama bagi perjanjian jual beli yang disempurnakan dari 1 Jun 2022 hingga 31 Disember 2023.

Tidak dinafikan, kenaikan kos sara hidup dan Kadar Dasar Semalaman (OPR) mungkin menjadi salah satu punca ketidakmampuan memiliki kediaman. Namun begitu, terdapat juga punca lain yang dikenal pasti seperti impak pasca pandemik. Meskipun kenaikan OPR menyebabkan bayaran balik pinjaman yang lebih tinggi, pendeposit juga menikmati pulangan deposit yang lebih baik pada kadar yang lebih tinggi, seterusnya menggalakkan individu untuk menyimpan wang.

KPKT akan terus giat melaksanakan pelbagai inisiatif bagi memastikan rakyat mendapat akses terhadap perumahan yang berkualiti dan mampu dimiliki.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' HAJI HUSAIN BIN AWANG
TARIKH : 4 DISEMBER 2023

DATO' HAJI HUSAIN BIN AWANG minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan inisiatif Kerajaan untuk membantu pembangunan infrastruktur dan penyaluran dana pembangunan untuk negeri di Pantai Timur khususnya Terengganu bagi mengurangkan jurang pembangunan antara negeri-negeri di Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, usaha merapatkan jurang pembangunan antara wilayah dan negeri adalah usaha berterusan yang sentiasa menjadi keutamaan Kerajaan. Oleh itu, Kerajaan melalui Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kedua Belas (KSP RMKe-12) akan terus memberi tumpuan kepada usaha untuk meningkatkan keseimbangan dan keterangkuman wilayah dalam memastikan pengagihan faedah sosioekonomi yang lebih meluas kepada semua rakyat di pelbagai peringkat lapisan masyarakat dan kedudukan geografi.

Dalam hubungan ini, Kerajaan terus komited untuk memberi keutamaan pengagihan peruntukan pembangunan (DE) asas kepada negeri-negeri kurang membangun seperti mana yang digariskan dalam KSP RMKe-12. Dalam hubungan ini, enam (6) negeri kurang membangun telah menerima peruntukan pembangunan berjumlah RM65.51 bilion iaitu 50% daripada RM130.15 bilion jumlah peruntukan pembangunan bagi semua negeri sepanjang tempoh *Rolling Plan* 1 (RP1) Tahun 2021 sehingga *Rolling Plan* 4 (RP4) Tahun 2024, RMKe-12. Bagi negeri Terengganu khususnya, peruntukan pembangunan yang diluluskan adalah sebanyak RM5.8 bilion melibatkan pelaksanaan sejumlah 391 projek di bawah pelbagai kementerian dalam tempoh tersebut.

Antara projek utama yang sedang dilaksanakan di negeri-negeri Pantai Timur adalah:

NO SOALAN: 46

- i) Projek Menaik Taraf Jambatan Merentasi Sg. Marang Di Laluan FT003 Jalan Kuala Terengganu - Kuantan, Marang, Terengganu, (kos projek RM398 juta);
- ii) Pembinaan Bangunan Baru Pusat Pakar Pergigian (*Non-Hospital Based*) Terengganu, (kos projek RM34.2 juta);
- iii) Projek Pembinaan Stadium Bukit Merbau, Kompleks Sukan Bukit Merbau, Pasir Puteh, Kelantan, (kos projek RM180 juta);
- iv) Projek Pembangunan di Pihak Berkuasa Tempatan Kelantan, kos projek RM150 juta);
- v) Program Perumahan Rakyat (PPR) Bera, Pahang, (kos projek RM234 juta); dan
- vi) Projek Balai Bomba dan Penyelamat Sungai Lembing, Pahang, (kos projek RM6,005,000).

Peruntukan pembangunan yang lebih tinggi berbanding negeri-negeri lain ini terutamanya untuk pembangunan infrastruktur dan kemudahan asas akan meningkatkan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) negeri-negeri terbabit melalui komponen perbelanjaan Kerajaan dan seterusnya menggalakkan aktiviti ekonomi pihak swasta di negeri-negeri yang kurang membangun dalam usaha untuk merapatkan jurang pembangunan ini.

Kerajaan juga terus komited untuk memacu pertumbuhan ekonomi di Koridor Ekonomi Wilayah melalui pembangunan inklusif dan mampan. Justeru, Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM324.57 juta perbelanjaan pembangunan pada tahun 2024 bagi Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER). Ia adalah bagi membiayai program/projek pembinaan infrastruktur melibatkan negeri-negeri di wilayah ECER seperti Kelantan, Terengganu, Pahang dan Daerah Mersing, Johor.

Beberapa projek yang dibangunkan di wilayah ECER dalam tempoh RMKe-12 adalah seperti berikut:

- i) Pembangunan Jambatan Palekbang-Kota Bharu Kelantan;
- ii) Pembangunan Taman Biopolimer Kertih, Terengganu;
- iii) Projek Eko-pelancongan di Endau-Rompin, Pahang; dan
- iv) Projek Lembah Tenusu Jemaluang, Mersing.

Dalam tempoh RMKe-12, Majlis Pembangunan Ekonomi Pantai Timur (ECERDC) telah mencatatkan jumlah pelaburan komited sebanyak RM28.8 bilion dengan jumlah pelaburan direalisasi sebanyak RM5.6 bilion. Pada tahun 2021 dan 2022, ECERDC berjaya mewujudkan sebanyak 27,413 peluang pekerjaan dan 6,238 peluang keusahawanan di ECER.

Bagi pembangunan kawasan luar bandar di negeri-negeri Pantai Timur, sebanyak 182 projek dengan kos projek berjumlah RM6.73 bilion diluluskan di bawah RP4 Tahun 2024. Peruntukan ini adalah bagi melaksanakan program/projek seperti Jalan Luar Bandar (JALB), Bekalan Air Luar Bandar (BALB), Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB) dan Jalan Perhubungan Desa melalui Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah.

Namun begitu, hal ini tidak seharusnya menidakkan potensi negeri-negeri lain yang lebih maju untuk mendapatkan peruntukan pembangunan bagi meraih faedah daripada peluang yang ada. Dalam hubungan ini, Kerajaan perlu mengoptimumkan perbelanjaan dengan mengenal pasti keutamaan pembangunan dengan memanfaatkan kekuatan, keunikan dan ketersediaan sumber di setiap wilayah dan negeri. Dalam masa yang sama, usaha dalam menggalakkan

penggunaan teknologi termaju dalam aktiviti hulu dan hiliran akan diteruskan. Manakala projek-projek berimpak tinggi di wilayah pembangunan koridor akan dipergiatkan dan pakej insentif bagi menarik pelaburan khususnya di kawasan kurang membangun akan ditambah baik.

Usaha-usaha ini bukan sahaja akan dapat meningkatkan peluang pekerjaan dengan pendapatan yang lebih tinggi, tetapi juga membuka peluang keusahawanan dan seterusnya mengurangkan jurang pendapatan antara wilayah khususnya bagi negeri-negeri kurang membangun. Oleh yang demikian, kerjasama erat dengan kerajaan-kerajaan negeri adalah amat diperlukan dalam memastikan projek-projek Kerajaan Persekutuan yang telah diluluskan dapat dilaksanakan dengan lancar dan berkesan di peringkat negeri untuk kepentingan rakyat.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN RODERICK WONG SIEW LEAD
TARIKH : 4 DISEMBER 2023

TUAN RODERICK WONG SIEW LEAD minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan perkembangan terkini mengenai permohonan menaik taraf Pasar Tamu Sentral Sarikei serta jumlah kos yang terlibat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) melalui Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) telah melaksanakan projek Pengukuhan Rangkaian Peruncitan Pasar Tamu bermula sejak RMKe-11 dan diteruskan pada RMKe-12. Projek ini dilaksanakan melalui kerjasama strategik bersama Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di bawah kerajaan negeri untuk penentuan Pasar Tamu sedia ada yang akan dinaik taraf. Sehingga 31 Oktober 2023, sebanyak 12 buah Pasar Tamu telah dinaik taraf iaitu 6 lokasi di Sabah dan 6 lokasi di Sarawak dengan jumlah peruntukan keseluruhan sebanyak RM12.7 juta.

Pada tahun 2024, FAMA akan menaik taraf 2 buah Pasar Tamu iaitu Pasar Tamu Sentral Sarikei, Sarawak dan Pasar Tamu Kinabatangan, Sabah. Merujuk kepada Pasar Tamu Sentral Sarikei, anggaran kos sebanyak RM1 juta diperuntukkan bagi melaksanakan kerja-kerja menaik taraf infrastruktur, peralatan dan kajian. Pada 14 Julai 2023, FAMA telah menerima kelulusan daripada Majlis Daerah Sarikei bagi menaik taraf Pasar Tamu Sentral Sarikei, Sarawak.

Iklan tender dijangka akan dikeluarkan pada minggu pertama Disember 2023. Surat Setuju Terima (SST) akan dikeluarkan pada Januari 2024 dan kerja-kerja naik taraf Pasar Tamu Sentral Sarikei dijadualkan selesai pada Disember 2024.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' HAJI HUSAIN BIN AWANG
TARIKH : 4 DISEMBER 2023

DATO' HAJI HUSAIN BIN AWANG minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan mekanisme yang diguna pakai oleh Kementerian dalam memperkasakan program pembangunan atlet para di peringkat akar umbi bagi memastikan kesinambungan kejayaan kontinjen negara untuk menghadapi Sukan Paralimpik Paris 2024.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Belia dan Sukan (KBS) sentiasa memberi perhatian dalam pembangunan sukan Orang Kurang Upaya (OKU). Bagi menyokong ekosistem pembangunan sukan paralimpik di Malaysia, KBS melalui Cawangan Pembangunan Sukan Orang Kurang Upaya, Jabatan Belia dan Sukan Negara komited dalam melaksanakan program-program Sukan Untuk Semua di peringkat akar umbi selain memainkan peranan sebagai *feeder* pencarian bakat sukan dalam kalangan OKU.

KBS telah dan secara konsisten akan melaksanakan program pencarian bakat sukan dalam kalangan OKU di setiap negeri iaitu melalui program Inspire i-Talent. Program yang dilaksanakan di semua negeri ini adalah merupakan salah satu kaedah untuk menguji keupayaan dan kecergasan OKU sebelum mereka terpilih untuk menyertai latihan bagi menggilap potensi sukan di peringkat yang lebih tinggi.

Seterusnya, peserta yang berjaya dalam saringan ini akan dilatih melalui program inspire i-Train. Program Inspire i-Train adalah satu *platform* bagi melatih mereka dalam sukan spesifik yang dikendalikan oleh jurulatih bertauliah yang dilantik oleh pihak Majlis Sukan Negara (MSN). Para peserta yang terpilih di peringkat ini berpeluang untuk menyertai pertandingan sukan di peringkat daerah/ negeri melalui program Synergy Inspire.

Di samping itu juga, KBS turut menyediakan *platform* sukan berprestasi tinggi di peringkat kebangsaan iaitu melalui temasya dwitahunan Para SUKMA. Temasya ini menjadi medan pertandingan para atlet OKU untuk membuktikan prestasi masing-masing. Melalui platform seperti Inspire i-Talent, Inspire i-Train dan Para SUKMA, atlet OKU berpeluang dipilih pihak MSN/ Majlis Paralimpik Malaysia (MPM) untuk mewakili negara di peringkat yang lebih tinggi. Bakat-bakat sukan yang dikenalpasti melalui platform ini akan dilatih untuk menyertai sirkit atau pertandingan di peringkat antarabangsa.

Selain itu, Kementerian melalui Majlis Sukan Negara Malaysia (MSN) juga telah mengambil beberapa inisiatif seperti:

- a) penubuhan pusat-pusat latihan di peringkat negeri dengan memberikan tumpuan kepada tujuh (7) jenis sukan iaitu Boccia, Para Badminton, Para Olahraga, Para Powerlifting, Para Memanah, Para Renang dan Para Ping Pong. Seramai 799 atlet sedang menjalani program latihan yang tersusun di 98 pusat latihan di seluruh negara;
- b) kerjasama dengan Kementerian Pendidikan (KPM) bagi penubuhan pusat-pusat latihan regional di sekolah-sekolah Pendidikan Khas Vokasional yang telah dikenalpasti mulai tahun 2024 iaitu:
 - i. Sek. Men. Pendidikan Khas Vokasional Merbuk, Kedah;

- ii. Sek. Men. Pendidikan Khas Vokasional Kuantan, Pahang;
- iii. Sek. Men. Pendidikan Khas Vokasional Indah Pura Kulai, Johor; dan
- iv. Sek. Men. Pendidikan Khas Vokasional Shah Alam, Selangor

Pada tahun 2024, Kerajaan juga akan memperuntukkan sebanyak RM12 juta bagi program latihan dan persediaan atlet para ke temasya sukan para antarabangsa. Semoga dengan peruntukan ini, KBS boleh melaksanakan lebih banyak program pembangunan atlet para secara fokus dan intensif.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN JAZIRI ALKAF ABDILLAH
SUFFIAN
TARIKH : 4 DISEMBER 2023

TUAN JAZIRI ALKAF ABDILLAH SUFFIAN minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bagaimanakah Kerajaan mengukur keberkesanan program pendidikan sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik (STEM) yang diterapkan kepada pelajar sekolah menengah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa berusaha untuk membangunkan modal insan yang berpengetahuan dan berkemahiran untuk menyertai aliran Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM). Bagi mencapai tujuan tersebut, KPM telah melaksanakan pelbagai program/aktiviti pendidikan STEM untuk diterapkan kepada semua golongan murid sama ada di peringkat pendidikan rendah atau menengah.

Pada tahun 2023, peningkatan peratus enrolmen murid STEM kepada 45.73% berbanding 40.94% pada tahun 2022 menunjukkan program berkaitan pendidikan STEM yang dilaksanakan telah menunjukkan hasil yang positif dan menggalakkan.

Melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025, pelbagai program dilaksanakan secara berterusan bagi mengukuhkan pendidikan STEM. Antaranya kunjung bantu bagi Program STEMEC dan Program Young STEMist dijalankan secara berkala bagi membantu sekolah melaksana program berkaitan STEM yang dirancang dengan berkesan. KPM juga telah membangunkan Dokumen Kompetensi Guru Bidang STEM sebagai rujukan bagi mengenal pasti kompetensi yang perlu ada dan dicapai oleh seorang guru bidang STEM. Dokumen ini turut berfungsi sebagai panduan kepada pihak berkepentingan dalam merancang dan membangunkan Pembangunan Profesionalisme Berterusan (PPB) guru agar lebih berfokus dan berstruktur.

KPM sangat komited dalam usaha untuk melahirkan modal insan yang berdaya saing pada masa hadapan. Standard Kompetensi Digital Murid (SKDM) juga digubal bagi memastikan tahap kompetensi digital setiap murid dapat diukur dan intervensi dapat dilaksanakan kepada murid yang belum mencapai standard.

Selain itu, pelibatan murid dalam kokurikulum STEM turut diberi perhatian. Pada tahun 2023, lebih 16,000 murid telah terlibat dalam pertandingan yang diadakan di bawah seliaan KPM merangkumi peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Pencapaian memberangsangkan dalam aktiviti STEM juga telah ditunjukkan apabila murid KPM berjaya merangkul 2 pingat emas dan 2 pingat gangsa dalam pertandingan World Robotic Olympiad (WRO) Friendship Invitational Tournament di Odense, Denmark pada September 2023. Pada November 2023, murid KPM turut muncul juara keseluruhan dalam pertandingan World Robotic Olympiad (WRO) di Panama City, Panama yang disertai oleh 80 buah negara apabila berjaya meraih 4 pingat emas, 2 pingat perak dan 2 anugerah kecemerlangan.

KPM akan terus meningkatkan keberkesanan program pendidikan STEM sebagai usaha menyediakan bakat STEM yang mencukupi ke arah menjadikan Malaysia sebuah negara berteknologi tinggi selaras dengan Dasar Sains, Teknologi dan Inovasi Negara (DSTIN) 2021-2030, Dasar Revolusi Perindustrian Keempat (4IR) Negara dan Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 (NIMP 2030).

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN NIK MOHAMAD ABDUH BIN
NIK ABDUL AZIZ
TARIKH : 4 DISEMBER 2023

TUAN NIK MOHAMAD ABDUH BIN NIK ABDUL AZIZ minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan berapakah perbelanjaan pasukan Batalion Malaysia (Malbatt) 850-11 di Lubnan dan apakah jaminan kebajikan kepada ahli keluarga semasa melaksanakan misi di luar negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Perbelanjaan MALBATT 850-11 yang diluluskan oleh Kementerian Kewangan adalah sebanyak RM104.37 juta setahun, di mana pecahannya adalah seperti berikut:

- i. Elaun Misi dan Pelbagai adalah sebanyak RM77.55 juta; dan
- ii. Perbelanjaan Kelengkapan, Peralatan, Penerbangan dan Pelbagai adalah sebanyak RM26.82 juta.

2. Bagi aspek kebajikan kepada ahli keluarga anggota MALBATT 850-11 semasa melaksanakan misi di luar negara, ianya akan dipantau oleh pihak Angkatan Tentera Malaysia (ATM) melalui Markas Angkatan Bersama (MK AB) dari semasa ke semasa. Segala bentuk bantuan kebajikan akan dikoordinasikan dan disalurkan bagi menjaga kebajikan keluarga semasa anggota melaksanakan misi tersebut.

3. Bagi menjaga kebajikan anggota yang bertugas juga, ATM membenarkan anggota untuk diberi Cuti Kebajikan ataupun Kecemasan. Cuti diberi atas pertimbangan ATM dan kelulusan oleh Markas *United Nation Interim Force In Lebanon* (UNIFIL). Pembayaran untuk tiket penerbangan pergi dan balik adalah ditanggung oleh pihak UNIFIL dan ATM di bawah Markas Angkatan Bersama.

4. Sebagai makluman, anggota MALBATT 850-11 juga boleh memohon menamatkan misi secara awal iaitu sebelum tarikh misi sebenar tamat di atas sebab-sebab kebajikan seperti berikut:

- i. Penyakit kritikal atau berbahaya atau kecederaan ahli keluarga terdekat yang mempunyai pertalian tahap pertama (seperti ibu bapa, pasangan atau anak); dan
- ii. Penyakit yang kritikal atau berbahaya atau kecederaan saudara lelaki/saudara perempuan atau saudara terdekat lain yang merupakan saudara tunggal individu yang masih hidup.

5. Sehubungan dengan itu, ATM akan menentukan perkara-perkara kebajikan anggota serta ahli keluarga MALBATT 850-11 semasa melaksanakan misi di luar negara tidak akan terabai dan akan dipantau sebilang masa oleh pihak ATM.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' SRI VELL PAARI A/L TUN
SAMY VELLU
TARIKH : 4 DISEMBER 2023

DATO' SRI VELL PAARI A/L TUN SAMY VELLU minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah Kerajaan Negeri boleh memperkenalkan peperiksaan yang berbeza daripada apa yang telah ditetapkan oleh Kementerian.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) memaklumkan bahawa Dasar Pendidikan Kebangsaan mengariskan tiga asas utama untuk mengukuhkan perpaduan negara iaitu sistem persekolahan yang sama bagi semua, Bahasa Malaysia sebagai bahasa penghantar utama di semua peringkat persekolahan serta kurikulum dan peperiksaan sekolah yang sama kandungan dan bercorak kebangsaan.

Sistem pentaksiran yang diamalkan di Malaysia berfungsi sebagai petunjuk kualiti pendidikan negara bertujuan mendapatkan maklumat tentang tahap penguasaan murid dalam pembelajaran dan membantu murid memperbaiki pembelajaran melalui maklumat yang diperolehi.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pengendalian peperiksaan merupakan fungsi Lembaga Peperiksaan seperti yang termaktub dalam Akta Pendidikan 1996 (Akta 550), iaitu untuk memberi nasihat, memantau, membuat analisis tentang penilaian berasaskan sekolah, mengendalikan semua peperiksaan dan mengikut peraturan, garis panduan dan arahan tentang peperiksaan serta mengadakan peperiksaan, mengendalikan pemantauan dan menguatkuasakan peraturan, garis panduan dan arahan tentang peperiksaan.

NO SOALAN: 51

Sebarang cadangan berkaitan pentaksiran dan peperiksaan pada peringkat negeri hendaklah selari dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 yang bertujuan untuk pembangunan murid secara menyeluruh. Sehubungan dengan itu, KPM sentiasa bersedia memberi kerjasama dan khidmat nasihat dalam mengukuhkan pentaksiran pada peringkat negeri.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK JOHN AMBROSE
TARIKH : 4 DISEMBER 2023

DATUK JOHN AMBROSE minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan perancangan segera Kementerian untuk menaik taraf kemudahan di Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu (KKIA), Lapangan Terbang Tawau dan Lapangan Terbang Sandakan memandangkan ketibaan pelancong antarabangsa dan domestik semakin tinggi di Sabah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kapasiti rekabentuk terminal Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu (LTAKK) sedia ada mampu menampung sehingga 9.0 juta penumpang setahun (*million passenger per annum* - mppa). Pada tahun 2022, LTAKK telah mengendalikan sebanyak 5.02 juta penumpang. Kementerian menganggarkan pada tahun 2023, LTAKK akan mengendalikan sebanyak 7.1 juta penumpang.

2. Berdasarkan perancangan jangka panjang pihak Malaysia Airport Holdings Berhad (MAHB), terdapat keperluan untuk melaksanakan projek pembesaran LTAKK daripada 9.0 mppa kepada 15.4 mppa untuk menampung keperluan tersebut. Untuk itu, terdapat keperluan untuk pihak Kementerian Pengangkutan (MOT) melaksanakan proses pengambilan tanah di kawasan bersebelahan lapangan terbang. Cadangan ini akan diteliti dan dipertimbangkan oleh pihak Kementerian untuk dipohon di bawah *Rolling Plan 5* (RP5) Rancangan Malaysia ke 12 (RMK-12).

3. Di bawah *Rolling Plan* ke-4 Rancangan Malaysia Ke-12 (RP4 RMK-12), projek menaik taraf lapangan terbang Tawau telah diluluskan. Di antara skop projek ini adalah peningkatan kapasiti pengendalian terminal daripada 1.5 juta penumpang setahun (*million passenger per annum* – mppa) kepada 2.5 mppa. Projek ini dijangka akan dimulakan pada tahun 2024 dan dijangka siap pada pertengahan tahun 2027.

4. Selanjutnya, berhubung dengan Lapangan Terbang Sandakan (LT Sandakan), pada masa ini lapangan terbang ini mampu mengendalikan sehingga 1.4 mppa. Pada tahun 2022, lapangan terbang ini telah mengendalikan sebanyak 0.8 juta penumpang. Berdasarkan statistik semasa, kapasiti rekabentuk terminal sedia ada masih mampu untuk menampung keperluan semasa yang dijangka sehingga tahun 2027.

5. Pada tahun 2022, LT Sandakan baharu sahaja selesai melalui proses naik taraf melalui kontraktor yang dilantik oleh pihak Kementerian. Kerja-kerja naik taraf yang terlibat antara lain adalah pemanjangan landasan daripada 2,133meter kepada 2,500meter, pelebaran kawasan memakir pesawat (*parking apron deepening*), pemindahan lokasi (*relocation*) *precision approach light, instrument landing system/ glide path* (ILS/GP) dan *precision approach path indicator* (PAPI), pembinaan *taxiway* baharu, parking apron, serta *pavement markings*. Projek ini telah dikeluarkan Perakuan Siap Kerja (*Certificate of Practical Completion – CPC*) yang berkuatkuasa pada 28 Februari 2022.

6. Sehubungan itu, pihak Kementerian berpandangan bahawakapasiti sedia ada LT Sandakan dan fasiliti baharu yang telah dinaik taraf mampu untuk menampung keperluan penumpang dan operasi penerbangan pada masa hadapan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK LIM PAY HEN
TARIKH : 4 DISEMBER 2023

DATUK LIM PAY HEN minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan sejauh manakah inisiatif yang dilaksanakan oleh Sime Darby Plantation pada awal tahun ini yang menawarkan gaji RM3,000 bagi pekerja sektor perladangan dan menyasarkan 100 peratus pengambilan pekerja tempatan telah disambut baik oleh para warganegara dan apakah usaha yang dilakukan oleh Kementerian bagi memastikan lebih banyak sektor swasta menyertai usaha ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Inisiatif oleh Sime Darby Plantation adalah selaras dengan Kerangka Ekonomi MADANI dan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ke-12 (KSP RMKe-12) untuk meningkatkan gaji dengan mewujudkan **peluang pekerjaan berkualiti** menerusi **peningkatan produktiviti** dengan menggunakan mekanisasi, automasi dan pendigitalan.

2. Melalui inisiatif yang dipanggil Projek Lokal, Sime Darby Plantation telah menawarkan beberapa bidang kerja baharu dan spesifik kepada warga kerja tempatan yang berkelayakan. Bidang-bidang kerja baharu di ladang adalah seperti '*machine specialist*' atau pakar jentera, juruteknik dan juruterbang dron. Kategori pekerjaan ini boleh dilakukan oleh tenaga mahir dan terlatih. Tenaga mahir tersebut juga akan dibayar gaji yang setimpal dengan kelayakan dan kemahiran mereka dan Sime Darby Plantation menyasarkan pendapatan purata RM3,000 bagi setiap tenaga kerja mahir ini.

3. Melalui inisiatif ini, Sime Darby Plantation menyasarkan matlamat untuk mencapai 100% tenaga kerja tempatan menjelang tahun 2027 bagi kategori kerja-kerja '*non-harvesting*' atau kerja-kerja selain daripada penuaian buah sawit.

4. Pencapaian Sime Darby Plantation untuk menarik minat lebih ramai warga tempatan ke sektor perladangan adalah memberangsangkan iaitu:

- (i) Dari segi jumlah pekerja bagi dua kategori kerja ladang iaitu '*harvesting*' dan '*non-harvesting*', peningkatan penglibatan wargakerja tempatan dilihat agak positif. Bagi kategori '*harvesting*', jumlah pekerja tempatan seramai 258 orang pada tahun 2019 telah meningkat kepada 642 orang setakat Oktober 2023, iaitu peningkatan sebanyak 149%. Bagi pekerjaan dalam kategori '*non-harvesting*' pula, jumlah pekerja tempatan seramai 7,291 pada tahun 2019 telah meningkat kepada 9,042 orang setakat Oktober 2023, iaitu peningkatan sebanyak 24%.

- (ii) Sejak Sime Darby Plantation mula memperkenalkan kategori kerja ladang baharu yang dipanggil '*machine specialist*' atau pakar jentera pada tahun 2021, seramai 603 orang warga kerja tempatan telah diterima bekerja sebagai '*machine specialist*' di syarikat tersebut. Sehingga kini, seramai 489 orang '*machine specialist*' atau 81% masih lagi aktif bekerja di ladang-ladang Sime Darby Plantation. Sime Darby Plantation menyasarkan untuk melantik seramai 729 orang '*machine specialist*' menjelang akhir 2023.

5. Penstrukturan gaji dan upah pekerja bersama dengan strategi mengoptimumkan penggajian pekerja asing merupakan antara komponen reformasi pasaran pekerjaan negara yang dilaksanakan oleh Kementerian Sumber Manusia. Usaha ini perlu dilaksanakan secara holistik dan dosokong melalui kerjasama erat pihak industri seperti Sime Darby Plantation dalam meningkatkan gaji dan penglibatan pihak pekerja untuk meningkatkan produktiviti kerja mereka.

6. Untuk makluman Ahli-Ahli Dewan Yang Mulia ini, Kementerian Sumber Manusia sentiasa terus berusaha bagi memastikan lebih banyak sektor swasta mengambil pekerja tempatan agar isu kebergantungan terhadap pekerja asing dapat dikurangkan. Antara langkah proaktif yang diambil oleh Kementerian adalah seperti;

- i. Melancarkan **Kempen Ambil Pekerja Lokal**. Kempen Ambil Pekerja Lokal merupakan program yang dilaksanakan oleh Kementerian melalui PERKESO. Program ini adalah susulan daripada inisiatif *Malaysianization* yang dilaksanakan dari tahun 2021 untuk menggalakkan majikan mengajikan pekerja tempatan bagi jawatan yang sebelumnya diisi oleh pekerja asing. Inisiatif utama dalam Kempen Ambil Pekerja Lokal ini adalah seperti Program Daya Kerjaya, Program Daya Kerjaya TVET dan Program Bina Kerja Pekerja Sektor Tidak Formal. **Berdasarkan statistik, setakat 9 November 2023**, sebanyak **6,519 permohonan** daripada majikan telah diluluskan di bawah **Program Daya Kerjaya dan Program Daya Kerjaya TVET** pula melibatkan seramai **12,639 pekerja dengan kos bayaran sebanyak RM14.98 juta**, manakala **Program Bina Kerja Pekerja Sektor Tidak Formal** pula, **sebanyak 20,343** permohonan telah diterima dalam tempoh yang sama dan sebanyak **6,366** permohonan telah diluluskan melibatkan bayaran sebanyak **RM1.07juta**.
- ii. Selain itu, Kementerian menerusi PERKESO dan Jabatan Penjara Malaysia (JPM) turut menjalinkan kerjasama strategik dengan memeterai Nota Kolaborasi (NoC) dalam usaha memperluaskan peluang kerjaya, meningkatkan kemahiran

dan menyediakan perlindungan sosial kepada Orang Diparol (ODP), Orang Diselia (ODS) dan Orang Bebas Berlesen (OBB) terutama dalam sektor perladangan. Kerjasama strategik ini adalah lambang sokongan terhadap **Projek Riben Kuning** yang telah diperkenalkan oleh Kementerian Belia dan Sukan (KBS) bertujuan memberi peluang kedua kepada golongan mudah terjejas ini agar mereka boleh kembali ke pangkuan masyarakat dengan kehidupan yang lebih baik setelah selesai menjalani hukuman sekaligus mengurangkan isu kebergantungan terhadap pekerja asing. Berdasarkan statistik PERKESO, dari tahun 2021 sehingga **10 November 2023**, seramai **893 bekas banduan** dan seramai **150 Orang Diparol dan Orang Diselia** telah ditawarkan pekerjaan di bawah **Program Penempatan Pekerjaan Penghuni Penjara**.

- iii. Disamping itu, PERKESO juga turut melaksanakan program intervensi yang melibatkan Penghuni Bebas Lesen (PBL), seramai **135 orang pelatih Sekolah Henry Gurney** telah berjaya ditempatkan pekerjaan dari tahun 2021 sehingga 10 November 2023.
- iv. Seterusnya, Program advokasi bersama majikan dan industri turut diadakan bagi memberikan pendedahan dan sokongan kepada para majikan di Malaysia untuk menggajikan bekas banduan di mana seram

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TAN SRI HAJI MOHAMAD FATMI BIN
CHE SALLEH
TARIKH : 4 DISEMBER 2023

TAN SRI HAJI MOHAMAD FATMI BIN CHE SALLEH minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sebarang mekanisme baharu bagi mengatasi isu kegagalan murid untuk menguasai subjek Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris khususnya di luar bandar.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa komited memastikan pengajaran dan pembelajaran (PdP) diurus dengan berkesan bagi meningkatkan penguasaan murid dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, Inisiatif #108: Pemartabatan Pendidikan Bahasa Melayu telah menyediakan pelbagai aktiviti Bahasa Melayu untuk dilaksanakan oleh guru kepada murid. Sebahagian daripada aktiviti yang disediakan adalah seperti yang berikut:

- i. Program Interaktif Kemahiran Bahasa Melayu (PIKeBM),
- ii. Kit Sokongan Bahasa Melayu (KitS),
- iii. Pedagogi Terbeza,
- iv. Belajar Secara Intensif Eja Baca Ikut Kemajuan Bahasa Melayu (BIJAK BM)
- v. Pedagogi Alternatif Kesusasteraan Melayu Komunikatif (PAKMK)
- vi. Pembelajaran Bahasa Melayu Berasaskan Projek (PBMP).

Bahan-bahan ini juga boleh diakses melalui platform oleh guru dan murid bagi mendapatkan maklumat dengan menggunakan Digital Educational Learning Initiative Malaysia (DELIMA).

KPM juga telah menyediakan modul dan bahan sokongan kepada guru dalam membantu pelaksanaan PdP berkesan seperti Manual Kecemerlangan Bahasa Melayu, Modul Kem Perkasa PLaN dan Kit Didik Hibur Literasi Tahap 2. Kepelbagaian strategi dan kaedah yang digunakan juga dapat menghasilkan pembelajaran yang lebih menyeronokkan dan bermakna.

Bagi meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris murid khususnya di luar bandar, KPM menyediakan inisiatif seperti yang berikut:

- i. *Highly Immersive Programme* (HIP) yang merupakan satu program bahasa Inggeris yang berkonsepkan satu sekolah berhasrat untuk membina satu suasana bahasa Inggeris yang imersif pada peringkat sekolah dalam menyokong murid menguasai bahasa Inggeris;
- ii. program HIP *Remedial Instruction* (pemulihan) dalam usaha mengurangkan keciciran dalam matapelajaran Bahasa Inggeris dalam kalangan murid sekolah rendah;
- iii. Program Peningkatan Kemahiran Bahasa Inggeris di Sekolah (PPKBIS) bagi membantu guru dalam meningkatkan kemahiran murid sekolah menengah dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris dalam peperiksaan SPM.

KPM juga melaksanakan program pengupayaan pegawai *School Improvement Specialist Coaches* (SISC+) secara berterusan supaya dapat membimbing guru melaksanakan pelbagai pendekatan pedagogi yang bersesuaian dengan kebolehan murid.

NO SOALAN: 54

KPM yakin usaha dan inisiatif daripada KPM, JPN dan PPD akan membantu sekolah bagi memastikan murid menguasai Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DR. LINGESHWARAN A/L DATO'
SERI R. ARUNASALAM
TARIKH : 4 DISEMBER 2023

DR. LINGESHWARAN A/L DATO' SERI R. ARUNASALAM minta
PERDANA MENTERI menyatakan:

- a) bilangan penjawat awam yang memohon pertukaran keluar negeri dan masih menunggu kelulusan; dan
- b) perancangan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) untuk mengurangkan bilangan penjawat awam yang menunggu pertukaran keluar negeri termasuk mewujudkan sistem pertukaran suka sama suka bagi gred dan jawatan yang sama

JAWAPAN

**DIJAWAB OLEH YB DATUK ARMIZAN MOHD ALI,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(HAL EHWAL SABAH, SARAWAK DAN TUGAS-TUGAS KHAS)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat “pertukaran” bermaksud perpindahan seseorang pegawai yang diluluskan oleh Ketua Jabatan ke suatu jawatan dalam perkhidmatan, skim perkhidmatan dan gred yang sama, sama ada di organisasi yang sama atau berlainan. Ketua Jabatan yang meluluskan pertukaran tersebut ialah pegawai yang mengetuai sesebuah Kementerian atau Jabatan di peringkat ibu pejabat atau Ketua Perkhidmatan iaitu pegawai yang mengetuai sesuatu perkhidmatan. **Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) akan menguruskan pertukaran pegawai gunasama, manakala pertukaran pegawai bukan gunasama diuruskan di peringkat Kementerian masing-masing.** Sebagai contoh, skim perkhidmatan pendidikan diuruskan di peringkat Kementerian Pendidikan Malaysia dan skim perkhidmatan perubatan dan kesihatan diuruskan di peringkat Kementerian Kesihatan Malaysia.
2. Statistik **Pegawai Gunasama Persekutuan** skim perkhidmatan **Pengurusan dan Profesional (P&P)** yang merangkumi Pegawai Tadbir dan Diplomatik (PTD), Pegawai Psikologi (PPsi) dan Pegawai Latihan Vokasional (PLV) yang telah berjaya bertukar ke negeri lain sehingga November bagi tahun 2023 adalah berjumlah **194 orang** mengikut pecahan gred seperti berikut:

GRES	SELESAI	DALAM TINDAKAN
Gred 54	40	14
Gred 52	15	36
Gred 48	144	102
Gred 41/44	35	163
JUMLAH	194	315

3. Manakala, bagi **Pegawai Gunasama Persekutuan** skim perkhidmatan **Pelaksana** yang merangkumi Pembantu Pegawai Latihan Vokasional (DV), Penolong Pegawai Psikologi (PPsi), Pegawai Khidmat Pelanggan (PKP), Pembantu Tadbir Kewangan [PT(Kew)], Penolong Pegawai Tadbir (PPT), Setiausaha Pejabat/Pembantu Setiausaha Pejabat (SP/PSP), Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) [PT(P/O)] yang telah berjaya bertukar ke negeri lain sehingga November bagi tahun 2023 adalah berjumlah **3,171 orang**.
4. JPA memberi pertimbangan permohonan pertukaran dengan mengambil kira prinsip pertukaran seperti berikut:
- 3.1 kekosongan jawatan di sesuatu lokasi penempatan yang dimohon;
 - 3.2 pegawai berkenaan telah berkhidmat selama tiga (3) tahun di penempatan semasa;
 - 3.3 *queue* permohonan oleh pegawai lain ke sesuatu lokasi permohonan;
 - 3.4 ketersediaan pegawai ganti bagi sokongan Ketua Jabatan dengan penganti serentak; dan

3.5 penurunan kuasa kepada Ketua Jabatan untuk melaksanakan pertukaran secara dalaman kementerian/ jabatan.

5. JPA berpandangan bahawa permohonan pertukaran suka sama suka iaitu cadangan pertukaran oleh pegawai sendiri, boleh dipertimbangkan jika pegawai memenuhi prinsip pertukaran yang ditetapkan. Permohonan pertukaran suka sama suka boleh dipertimbangkan jika pegawai yang terlibat mempunyai kepakaran, bidang pengkhususan, pengalaman dan kriteria yang menepati keperluan bidang tugas jawatan di tempat yang dimohon.
6. Selain itu, pertukaran pegawai juga perlu selaras dengan prinsip permohonan pertukaran dan pusingan kerja seperti kekosongan jawatan, tempoh berkhidmat di tempat semasa, kekananan dan sebagainya demi menjamin keharmonian, perjalanan operasi dan keperluan jabatan. JPA juga akan membuat pusingan kerja ke atas pegawai yang telah berada terlalu lama di sesebuah negeri ke penempatan lain bagi membantu memperkaya dan memperluaskan tugas (*job enrichment and job enlargement*) kepada semua pegawai.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK NORAINI BINTI IDRIS
TARIKH : 4 DISEMBER 2023**

DATUK NORAINI BINTI IDRIS minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan :-

- (a) bilangan klinik bergerak yang sedia ada di Sabah sehingga kini dan adakah ianya memenuhi keperluan sedia ada; dan
- (b) perancangan Kementerian bagi menambah bilangan klinik bergerak berkenaan.

JAWAPAN

Tan Sri Yang Di Pertua

1. Perkhidmatan Klinik Bergerak (KB) disediakan bagi masyarakat yang tinggal jauh dari klinik statik terutamanya untuk kawasan di luar bandar dan pedalaman melalui darat (pacuan empat roda & bas), air (bot kecil dan besar) dan udara (helikopter) yang disediakan secara percuma.
2. Setakat ini Sabah mempunyai 39 pasukan klinik bergerak dimana 31 pasukan adalah KB darat, 2 pasukan KB air, 5 pasukan darat dan air dan 1 pasukan untuk perkhidmatan doktor udara. Sehingga September 2023, seramai 40,673 orang dari 557 lokaliti telah menikmati perkhidmatan ini.

Yang Di Pertua

3. Kesemua daerah (27) di Sabah mempunyai sekurang-nya satu pasukan klinik bergerak. Walau bagaimanapun perancangan penyediaan perkhidmatan klinik bergerak tertakluk kepada keperluan setempat yang dirancang oleh Pejabat Kesihatan Daerah/ Pejabat Kesihatan Kawasan dengan mengambil kira keperluan sumber manusia, keperluan setempat, kenderaan, jarak lokasi dari fasiliti kesihatan dan jumlah populasi serta kebudayaan populasi di negeri masing-masing dalam penyediaan perkhidmatan klinik bergerak.

NO SOALAN: 56

4. KM akan sentiasa berusaha untuk membantu meningkatkan akses dan memperkukuhkan perkhidmatan dari segi kemudahan (*accessibility*) kepada perkhidmatan kesihatan dari masa ke semasa.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' JUHANIS BINTI ABD AZIZ
TARIKH : 4 DISEMBER 2023

DATO' JUHANIS BINTI ABD AZIZ minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan bilangan kemasukan pelajar ke Universiti Awam (UA) lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dari tahun 2019 hingga sekarang dan bagaimana Kerajaan memastikan pelajar lepasan SPM terus menyambung pelajaran mereka ke tahap yang lebih tinggi.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Berdasarkan sistem MyMohes di KPT, kemasukan pelajar warganegara ke Universiti Awam (UA) berdasarkan kelayakan masuk SPM dari tahun 2019 sehingga Jun 2023 adalah seperti berikut:
 - i. **2019** = 51,259 orang pelajar,
 - ii. **2020** = 45,135 orang pelajar,
 - iii. **2021** = 42,052 orang pelajar,
 - iv. **2022** = 48,608 orang pelajar, dan
 - v. **2023 (Sehingga Jun)** = 2,465 orang pelajar.

2. Berhubung perkara ini, dalam memastikan pelajar lepasan SPM terus menyambung pelajaran mereka ke tahap yang lebih tinggi, Kementerian mengambil beberapa pendekatan antaranya:
 - i. **Pertama**, KPT telah melaksanakan pelbagai program promosi pendidikan tinggi antaranya, **Program Jom Masuk U dan Program Outreach** di seluruh negara mengikut zon yang disertai IPTA, ILKA, IPTS serta agensi-agensi berkepentingan.

 - ii. **Kedua**, bagi memberi galakkan kepada calon lepasan SPM dan STPM/Setaraf meneruskan pendidikan tinggi di IPTA dan ILKA, KPT telah menyediakan **4 Laluan Khas kemasukan** iaitu untuk Orang Kurang Upaya (OKU)/ Lulusan Institusi di bawah JKM; golongan B40; Orang Asli dan Atlet.

- iii. **Ketiga**, dalam konteks pembiayaan dan insentif, terutamanya kepada pelajar daripada keluarga berpendapatan rendah, Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) turut menyediakan **kemudahan Wang Pendahuluan Pinjaman (WPP)** bagi membantu persediaan awal pelajar dari segi kewangan sebelum mendaftarkan diri ke IPT.

- iv. **Keempat**, KPT juga telah melancarkan **Program Pembangunan Siswa Sulung Keluarga Malaysia (SULUNG) pada tahun 2022** yang memberi peluang dan pembiayaan penuh kepada anak-anak golongan B40 yang cemerlang dan pertama dalam keluarga berjaya menyambung pengajian peringkat sarjana muda di UA. Bagi tahun 2024, seramai 10 ribu pelajar dijangka akan menerima manfaat daripada program ini.

- v. Malah, KPT juga telah melaksanakan **Program Dermasiswa B40 TVET** bagi membantu pelajar golongan B40 untuk mengikuti pengajian dalam bidang Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) di peringkat Diploma dan Ijazah Sarjana Muda di IPTA sejak tahun 2022.

- vi. **Kelima**, bagi menarik minat dalam bidang TVET, KPT **memperkenalkan 5 Pusat Asasi TVET** yang akan beroperasi pada tahun ini melibatkan 5 buah politeknik yang akan bekerjasama dengan MTUN di seluruh negara.

- vii. **Keenam**, Kementerian juga telah bersetuju untuk melaksanakan **sistem pembelajaran anjal** bagi 74 program yang membolehkan pelajar mengikuti pengajian di rumah dan kampus secara hibrid.

- viii. **Ketujuh**, KPT menyarankan semua IPT untuk terus **menyemak dan menambahbaik semua program dan tawaran pengajian** yang ada agar lebih menarik, menyeronokkan, selari dengan industri dan berupaya untuk menarik minat anak muda hari ini.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN ABUN SUI ANYIT
TARIKH : 4 DISEMBER 2023

TUAN ABUN SUI ANYIT minta **MENTERI PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan adakah Kementerian bersedia untuk menyerahkan tanah ladang kelapa sawit di bawah pemilikan Kerajaan Persekutuan bagi memberi laluan kepada Kerajaan Sarawak untuk melaksanakan projek-projek penanaman padi ke arah menjadikan Sarawak sebagai jelapang padi negara pada masa hadapan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tanah berkenaan adalah milikan Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP). Sehubungan dengan itu, Kementerian ini tidak mempunyai kuasa untuk membuat sebarang keputusan.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **YB PROF. TAN SRI DATUK DR. HJ.**
MOHAMED HANIFFA BIN HJ.
ABDULLAH
TARIKH : **4 DISEMBER 2023**

PROF. TAN SRI DATUK DR. HJ. MOHAMED HANIFFA BIN HJ.
ABDULLAH minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan :-

- a) statistik jurang kemahiran mengikut keperluan semasa serta ramalan keperluan masa hadapan mengikut negeri; dan
- b) apakah strategi semasa Kementerian untuk mengatasi jurang ini ke arah pendekatan yang mengutamakan kemahiran atau "*a skills-first approach*".

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

a) Statistik jurang kemahiran mengikut keperluan semasa

Sehingga **November 2023**, permintaan pekerjaan melalui portal myfuture jobs mengikut 5 seksyen ekonomi (MSIC) yang tertinggi adalah

- i. Seksyen I56 : *food and beverages, mobile food services, restaurant services and catering*
- ii. Seksyen F41 : *construction of building*
- iii. Seksyen C32 : *manufacture of jewellery, sports good, medical and dental instrument, games and toys*
- iv. Seksyen G47 : *retail and sales activity*
- v. Seksyen M74 : *professional design activity, photography, scientific and technical*

Daripada 5 seksyen ekonomi MSIC yang tertinggi ini, dua daripadanya iaitu **Seksyen C32 dan Seksyen G47** masih berada dalam **kategori kurang penawarannya** berdasarkan jumlah persijilan Tahap 1 hingga 5 yang dikeluarkan melalui Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia (SPKM).

b) Strategi semasa Kementerian untuk mengatasi jurang ini ke arah pendekatan yang mengutamakan kemahiran atau "*a skills-first approach*".

- i. Bagi memenuhi keperluan permintaan pekerjaan di dalam seksyen-seksyen ekonomi berkaitan, Kementerian Sumber Manusia melalui semua Jabatan dan Agensi di bawahnya telah

merangka beberapa strategi demi memastikan keperluan dalam seksyen tersebut dipenuhi. Sebagai contoh, perancangan dan pelaksanaan latihan adalah berdasarkan *supply and demand* di mana, program-program yang telah melebihi sasaran permintaan dipertimbangkan untuk dihadkan kapasitinya di pusat-pusat bertauliah yang dikenalpasti.

ii. Manakala, bagi program-program yang masih kurang ditawarkan di Institusi Latihan TVET berbanding permintaan yang ada di pasaran pekerjaan akan diberi fokus untuk mempertingkatkan kapasitinya. Sebagai salah satu strategi tambahan, turut dipelbagaikan melalui konsep latihan yang memberi penekanan terhadap aspek amali di tempat kerja sebenar. Program seperti Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN), Program Perantisan, dan *Bootcamp* yang dijalankan secara bersama antara institut latihan dan industri menjadi satu platform yang dapat menarik minat golongan sasar terhadap program TVET. Menerusi pendekatan ini, mereka berpeluang mendapat pendedahan lebih awal terhadap ekosistem tempat kerja sebenar dan bimbingan komprehensif secara terus dari pengamal-pengamal industri.

iii. Seterusnya, usaha untuk memperkukuhkan kemahiran dengan pelaksanaan kursus program TVET yang fleksibel dan berbentuk jangka pendek.jangka. Program-program TVET berbentuk modular yang memfokuskan kepada set kemahiran spesifik telah mula dibangun dan ditawarkan oleh penyedia TVET sama ada di institusi TVET awam mahupun swasta.

iv. Fleksibiliti pelaksanaan ini turut disokong dengan pengenalan program *Micro Credential* bagi membolehkan pelatih mendapat pengiktirafan terhadap setiap pencapaian yang diperolehi. Konsep *Micro Credential* ini membolehkan golongan sasaran merancang masa secara lebih dinamik untuk mengikuti program latihan di samping mengumpulkan bukti-bukti pencapaian untuk mendapat persijilan penuh bagi bidang kemahiran yang diminati.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK SERI HAJAH ZURAINAH
BINTI MUSA
TARIKH : 4 DISEMBER 2023

DATUK SERI HAJAH ZURAINAH BINTI MUSA minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sama ada terdapat sebarang inisiatif khusus yang dilakukan oleh Kementerian dalam menjaga kesihatan mental para murid terutamanya untuk calon peperiksaan besar seperti Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan adakah Kementerian boleh mempertimbangkan inisiatif yang khusus kepada pelajar dalam tempoh beberapa minggu atau bulan sebelum musim peperiksaan bermula.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa prihatin dan peka terhadap kesejahteraan emosi dan kesihatan mental murid. KPM melaksanakan inisiatif Program Minda Sihat Sekolah bagi memperkasa psikososial, menyokong kesejahteraan emosi murid dan melaksanakan intervensi kepada murid bagi menguruskan emosi dengan baik termasuklah untuk murid calon peperiksaan besar seperti Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

Melalui inisiatif Program Minda Sihat Sekolah, murid dilatih menangani stres dengan mengamalkan 10B iaitu Bersyukur, Bernafas dengan teratur, Berkata Relakslah, Beribadat, Berkongsi perasaan dengan seseorang, Beriadah, Berurut, Berehat dengan mendengar muzik, Bersenam dan Berfikiran positif supaya tenang dan cekal menghadapi peperiksaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, Program Persediaan Menghadapi Peperiksaan SPM dilaksanakan bagi membimbing murid mengamalkan penjagaan diri. Penjagaan diri amat penting kerana amalan ini mampu memperbaiki kesihatan mental, fizikal dan emosi khususnya sebelum menghadapi peperiksaan. Penjagaan diri juga membantu murid untuk lebih cekap mengenal pasti emosi tidak stabil atau kebimbangan dan seterusnya mencegah fenomena lesu upaya (burnout). Aktiviti penjagaan diri adalah tidur yang cukup, makan makanan berkhasiat dan melakukan hobi yang menenangkan.

NO SOALAN: 60

Infografik Minda Sihat berbentuk pesanan mesra dan kata-kata hikmah disediakan melalui platform atas talian kepada calon SPM. Infografik ini diharapkan dapat mencetus inspirasi, meningkatkan motivasi belajar, panduan mengurus emosi dan tips mendapatkan bantuan apabila berhadapan dengan sesuatu masalah.

Pada masa yang sama, Pembimbing Rakan Sebaya (PRS) berperanan penting dalam menyokong emosi rakan, cakna dan prihatin terhadap rakan ketika peperiksaan semakin hampir. Aktiviti yang dilaksanakan oleh PRS ialah bertanya khabar rakan, memberi kata-kata semangat, menjadi pendengar yang baik dan memberi bantuan yang bersesuaian kepada rakan yang memerlukan.

Selain itu, ceramah keibubapaan dengan ibu bapa atau penjaga bersama-sama anak mereka dilaksanakan bagi menyediakan sokongan emosi berterusan, peka terhadap perubahan emosi dan tingkah laku serta meningkatkan komunikasi berkesan bersesuaian dengan keperluan semasa calon yang menduduki peperiksaan.

KPM yakin melalui usaha dan kerjasama dengan pelbagai pihak ini dapat menyokong calon peperiksaan besar dalam mengurus emosi dengan baik.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TAN SRI HJ. MOHAMAD FATMI BIN
HJ. CHE SALLEH
TARIKH : 04 DISEMBER 2023

TAN SRI HJ. MOHAMAD FATMI BIN HJ. CHE SALLEH minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan status semasa pengoperasian bank digital di seluruh negara dan cadangan untuk menambah baik inisiatif tersebut serta sejauh manakah manfaatnya terhadap rakyat dan negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pada masa ini, satu daripada lima bank digital telah mula beroperasi secara rasmi, iaitu GXBank, manakala empat konsortium yang lain masih berada dalam fasa persediaan dari segi operasi. Fasa persediaan ini melibatkan pematuhan terhadap keperluan keselamatan dan daya tahan infrastruktur teknologi, kawalan operasi dan amalan pengurusan risiko. Buat masa ini, memandangkan hanya satu bank digital baru beroperasi di pasaran, impak bank digital dalam memajukan rangkuman kewangan masih terlalu awal untuk dinilai.

Pelesenan bank digital di Malaysia bertujuan untuk meningkatkan rangkuman kewangan kepada segmen yang tidak atau kurang mendapat perkhidmatan kewangan termasuklah segmen pasaran yang berdepan cabaran dalam memperoleh perkhidmatan kewangan disebabkan oleh maklumat yang tidak simetri atau profil risiko yang lebih tinggi. Antara golongan ini termasuklah peniaga mikro, kecil dan sederhana yang memerlukan bantuan dengan urus niaga digital disebabkan kekurangan kecekapan teknologi, pekerja sambilan dan pekerja ekonomi gig (*gig economy workers*) yang menghadapi cabaran pendapatan yang tidak konsisten, serta individu yang kurang berkeyakinan atau berpengetahuan untuk menggunakan perkhidmatan kewangan dengan efektif.

Bank digital disasar untuk membantu individu dan perniagaan mendapatkan khidmat dan produk kewangan yang lebih khusus sesuai dengan keperluan mereka menggunakan analisis data (*data analytics*) yang lebih menyeluruh. Penggunaan teknologi yang menyeluruh

NO SOALAN: 61

membolehkan bank digital memberikan lebih banyak peluang kepada masyarakat untuk mengambil bahagian dalam kegiatan ekonomi dengan mengatasi halangan geografi dan menggalakkan pengurusan kewangan yang lebih baik.

Pada masa hadapan, bank digital disasar menyumbang kepada empat matlamat rangkuman kewangan, iaitu:

- a) Akses kepada produk dan perkhidmatan kewangan yang berpatutan dan sesuai;
- b) Penggunaan produk dan perkhidmatan kewangan yang bertanggungjawab;
- c) Inovasi kewangan yang memberikan nilai kepada semua; dan
- d) Kesejahteraan kewangan apabila pengguna berupaya membuat keputusan kewangan dengan bijak.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' KESAVADAS A/L
A.ACHYUTHAN NAIR
TARIKH : 4 DISEMBER 2023

DATO' KESAVADAS A/L A.ACHYUTHAN NAIR minta **MENTERI
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan :-

- (a) ukuran petunjuk prestasi utama (KPI) yang dilaksanakan dalam era Malaysia MADANI terhadap mutu penyampaian pendidikan di setiap Maktab Rendah Sains MARA (MRSM); dan
- (b) adakah Kementerian akan mempertimbangkan pelaksanaan kuota khas bagi pengambilan pelajar bukan Bumiputera daripada keluarga miskin tegar di MRSM tertentu.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, melalui Pelan Strategik MARA (PSM) 2021-2025, MARA mensasarkan 90% graduan lepasan Maktab Rendah Sains MARA (MRSM) melanjutkan pengajian dalam bidang Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) di peringkat tertiar. Berdasarkan kepada kajian pengesanan graduan lepasan MRSM 2021, seramai 94.6% pelajar telah melanjutkan pengajian dalam bidang STEM pada peringkat tertiar.

Bagi merealisasikan sasaran KPI tersebut, MARA melalui Bahagian Pendidikan Menengah (BPM) menggunakan pendekatan enam (6) atribut guru iaitu HIKMAH (H-Hikmah [kebijaksanaan], I-Itqan [Kesungguhan], K-Kamil [Kesempurnaan], M-Mauizah [Nasihat Yang Baik], A-Arif [Mengetahui secara Mendalam], H-Hasanah [Kebaikan]) untuk memastikan kompetensi guru MRSM berada pada standard kualiti tertinggi. Selain itu, melalui pendekatan STEM Rich, pelbagai latihan, kursus dan bengkel diberikan kepada semua guru MRSM secara berkala bagi meningkatkan kualiti pengajaran dan mutu penyampaian guru-guru tersebut. Sebanyak 14 buah MRSM juga telah dilantik sebagai Centre of Excellence (CoE) bagi subjek terpilih untuk dijadikan pakar rujuk kepada MRSM yang lain.

Selain itu, Dasar Pengambilan Pelajar Bukan Bumiputera telah diputuskan oleh Kabinet pada tahun 2002, di mana MRSM memberikan kuota khas 10% kepada pelajar bukan bumiputera. Pengambilan pelajar di MRSM turut mengambil kira kedudukan status sosio-ekonomi

NO SOALAN: 62

keluarga pelajar dan keutamaan semestinya diberikan kepada pelajar di kalangan keluarga B40.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB PUAN NOORITA BINTI SUAL
TARIKH : 4 DISEMBER 2023

PUAN NOORITA BINTI SUAL minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan jumlah pemohon lelaki bagi jawatan Jururawat terlatih dan jumlah yang berjaya diterima masuk ke pusat latihan serta bekerja di Hospital Kerajaan:-

- (a) apakah wujud kesaksamaan dalam pemilihan calon Jururawat lelaki melalui Suruhanjaya Perkhidmatan Awam tanpa berlakunya diskriminasi; dan
- (b) adakah sebarang langkah yang diambil untuk mempromosikan kerjaya Jururawat lelaki agar dapat disebarluaskan di seluruh Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerjaya jururawat lelaki mula bertapak di Kementerian Kesihatan Malaysia dengan memulakan latihan pada tahun 2002. Sehingga kini lebih 18 tahun mereka berada di dalam profesion Kejururawatan. Sehingga Jun 2023, pengisian jawatan jururawat di Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) adalah 67,532 orang dan daripada jumlah tersebut, sejumlah 2,718 (4%) merupakan pengisian oleh Jururawat lelaki.
2. Pemilihan calon jururawat lelaki berdasarkan syarat-syarat yang ditetapkan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) dan syarat kelayakan adalah sama untuk pengambilan jururawat lelaki dan perempuan. Jururawat lelaki dan perempuan diberi peluang mengikuti kursus dalam perkhidmatan seperti Diploma lanjutan atau pengkhususan mengikut keperluan perkhidmatan.
3. Sebagai langkah untuk mempromosikan kerjaya Jururawat lelaki serta untuk menarik minat lebih ramai menceburi bidang ini, pameran kerjaya di peringkat sekolah boleh diperkenalkan sebagai pendedahan awal.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' AHMAD BIN DATO' SRI HJ.
IBRAHIM
TARIKH : 4 DISEMBER 2023

DATO' AHMAD BIN DATO' SRI HJ. IBRAHIM minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN DIGITAL** menyatakan apakah punca kekurangan penggiat seni yang memohon Dana Kandungan Digital (DKD) MyCreative di Sarawak dan apakah usaha Kementerian untuk menghebahkan dana tersebut supaya disebar dengan lebih meluas dalam media sosial.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Komunikasi dan Digital (KKD) melalui MyCreative Ventures Sdn. Bhd. (MyCV) sentiasa cakna dan menyokong pembangunan industri kreatif tanah air termasuklah negeri Sarawak dengan menyediakan pelbagai inisiatif seperti kemudahan pembiayaan dan geran, penyediaan platform, promosi/pemasaran dan lain-lain.

Antara inisiatif penting yang dilaksanakan oleh Kementerian melalui MyCV adalah melalui Dana Kandungan Digital Industri Muzik (DKD) yang memfokuskan sokongan kepada industri kreatif dalam sektor muzik. DKD bertujuan untuk menggalakkan penghasilan, penerbitan, dan penyebaran kandungan kreatif muzik yang berdaya cipta dan berpotensi tinggi untuk pasaran tempatan dan antarabangsa.

Pelbagai program di bawah DKD Industri Muzik telah disediakan dan permohonan adalah terbuka kepada syarikat mahupun individu yang layak dan memenuhi kriteria-kriteria yang ditetapkan. Antaranya ialah kompetensi pemohon, sumbangan dan impak kepada Industri Muzik di Malaysia, kesempurnaan kertas kerja dan cadangan projek, pelaksanaan pengurusan cadangan projek tersebut dan lain-lain.

Dalam usaha menarik lebih banyak penyertaan daripada penggiat negeri Sarawak, MyCV telah menyebar luas dan mempromosi program-program yang ditawarkan melalui pelbagai platform. Antaranya ialah sesi perkongsian secara maya dan fizikal melalui program “*Ask Me Anything*” dan “*Jelajah DKD Ask Me Anything*” merangkumi Sabah dan Sarawak.

Sehingga hari ini sebanyak tiga sesi perkongsian secara fizikal di seluruh Malaysia telah dilaksanakan. Sesi “*Ask Me Anything*” di Sarawak telah dilaksanakan pada 24 Oktober 2023 bertempat di Auditorium FINAS.

Selain itu, aktiviti promosi turut giat dilaksanakan melalui sesi temu bual di Radio dan TV antaranya ialah Bersama BERNAMA Radio, Kupi-KupiFM (Sabah dan Sarawak) dan TVS yang telah berlangsung pada bulan Oktober 2023. Hasil daripada inisiatif promosi DKD yang dilaksanakan, permohonan bagi Dana Persembahan Muzik melibatkan penggiat seni dari Sarawak bagi tahun 2022 dan 2023 telah meningkat dari 0.8 peratus kepada 2.2 peratus. Antara penggiat seni negeri Sarawak yang telah menerima DKD ialah Alena murang, Veronica Natasha, Afif Tenor dan Fify Elviana.

Aktiviti mempromosikan DKD terus dipergiatkan dengan penggunaan lebih banyak platform media sosial, penyebaran maklumat melalui saluran-saluran radio tempatan negeri Sarawak, sesi temu bual dan lain-lain.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TAN SRI DATO' LOW KIAN CHUAN
TARIKH : 04 DISEMBER 2023

TAN SRI DATO' LOW KIAN CHUAN minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan:-

- a) langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan untuk mengukuhkan nilai Ringgit Malaysia; dan
- b) adakah Bank Negara Malaysia akan menetapkan peratusan penukaran pendapatan eksport (*export proceeds*) kepada Ringgit Malaysia dan juga memendekkan tempoh masa penghantaran pulang pendapatan eksport dari tempoh enam bulan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Sebagai sebuah negara perdagangan dan ekonomi yang terbuka, permintaan terhadap ringgit akan dipengaruhi oleh faktor-faktor global. Dalam keadaan pasaran kewangan global yang tidak menentu, kadar pertukaran ringgit yang fleksibel memainkan peranan penting mengurangkan impak kejutan luaran terhadap aktiviti ekonomi domestik. Pemulihan kestabilan pasaran dunia, penambahbaikan sentimen pelabur dan lebih penerimaan pertukaran wang asing yang dipengaruhi oleh kegiatan teras ekonomi negara dijangka akan dapat memperkukuh nilai ringgit.

Kerajaan kekal komited dalam memberikan tumpuan terhadap pelaksanaan polisi-polisi struktural yang berupaya meningkatkan pertumbuhan ekonomi dan daya saing negara bagi menarik aliran masuk dana dan pelaburan asing yang akan menyokong pengukuhan nilai ringgit. Langkah ini termasuk usaha Kerajaan dalam mentransformasi ekonomi negara yang dipandu oleh Kerangka Ekonomi MADANI. Selain faktor pemulihan kestabilan pasaran dunia, pelaksanaan Dasar Pelaburan Baharu (*New Investment Policy*, NIP) untuk menambah baik iklim pelaburan dan produktiviti negara serta komitmen Kerajaan terhadap pengukuhan kemampuan fiskal menerusi pembentangan Akta Kewangan Awam dan Tanggungjawab Fiskal (FRA) dijangka menambah baik sentimen pelabur seterusnya memperkukuh nilai ringgit.

Pada tahun 2021, BNM telah mengumumkan beberapa kelonggaran kepada sektor perniagaan termasuk pemansuhan peraturan yang mewajibkan pengeksport untuk menukar hasil eksport dalam mata wang asing kepada ringgit. Fleksibiliti ini membolehkan pengeksport menguruskan penukaran perolehan eksport berdasarkan keperluan aliran tunai mata wang asing mereka dengan lebih efisien. Perkara ini seterusnya mengukuhkan kedudukan negara dalam rangkaian bekalan global dan memupuk persekitaran yang kondusif bagi menarik pelaburan langsung asing (FDI) ke Malaysia. Berdasarkan pemantauan BNM, kadar penukaran eksport daripada mata wang asing kepada ringgit sehingga kini, berada di antara 60 sehingga 70 peratus selepas peraturan ini dimansuhkan pada April 2021. Pihak BNM akan terus memantau dengan teliti penukaran hasil eksport barangan kepada ringgit oleh syarikat pemastautin dan akan terus mengadakan libat urus dengan syarikat-syarikat tersebut dengan lebih kerap.

Berkaitan tempoh masa penghantaran pulang pendapatan eksport ke Malaysia, BNM telah menetapkan syarikat pengeksport barangan pemastautin untuk membawa balik hasil eksport barangan ke Malaysia sepenuhnya sebaik sahaja hasil eksport diterima, berdasarkan tarikh pembayaran kontrak eksport dengan tempoh tidak melebihi 6 bulan daripada tarikh eksport dibuat. Dana penerimaan eksport tersebut hendaklah ditempatkan dengan bank tempatan berlesen di dalam negara. Dasar ini tidak pernah diubah sejak ianya diperkenalkan pada tahun 1953 di bawah Akta Kawalan Pertukaran 1953 (yang telah dimansuhkan dan kini digantikan dengan Akta Perkhidmatan Kewangan 2013).

NO SOALAN: 65

Berdasarkan pemantauan dan analisis BNM, hampir kesemua pengeksport barangan pemastautin membawa balik hasil eksport ke Malaysia dalam tempoh 6 bulan yang ditetapkan dengan 80 peratus pengeksport membawa balik hasil eksport dalam tempoh 3 bulan bagi memenuhi obligasi dan keperluan operasi perniagaan di Malaysia. Hanya segelintir pengeksport menerima perolehan eksport barangan melebihi 6 bulan bagi sebab-sebab yang tertentu yang dibenarkan dalam menerima perolehan eksport barangan. Pengeksport pemastautin yang gagal mematuhi peraturan BNM untuk membawa balik hasil eksport ke Malaysia telah melakukan suatu kesalahan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan BNM boleh mengambil apa-apa tindakan undang-undang sewajarnya di bawah Akta tersebut.

Sekian, terima kasih.